

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

ISNIN: 12 MEI 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, 10 HINGGA 72)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 4 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

NO. SOALAN: 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN:

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan kuasa ke atas Petronas daripada Perdana Menteri kepada Parlimen.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Petronas adalah syarikat petroleum nasional Malaysia yang ditubuhkan selaras dengan Akta Pembangunan Petroliaam 1974. Selaras dengan Akta ini juga, Petronas bertanggungjawab untuk melapor kepada Perdana Menteri. Sejak penubuhannya, Petronas telah berjaya mengembangkan operasinya untuk meliputi keseluruhan rangkaian bekalan industri minyak dan gas, bukan sahaja diperingkat domestik tetapi juga di persada antarabangsa. Sebagai sebuah syarikat multinasional yang mempunyai operasi di lebih 33 buah negara di seluruh dunia, kaedah laporan ini adalah yang terbaik untuk membolehkan operasi harian Petronas dilaksanakan secara praktikal, efisien dan efektif.

Petronas diiktiraf sebagai sebuah syarikat gergasi di dalam senarai Fortune 500. Petronas juga diiktiraf oleh syarikat-syarikat "rating" antarabangsa seperti Standard & Poor, Moody's dan Fitch yang memberikan "rating" yang tinggi kepada bon-bon kewangan terbitan Petronas. Di dalam dan luar negeri, Petronas berurusan dengan syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa yang mengamalkan operasi yang telus dan terbuka. Tidak mungkin Petronas dapat mengecapi kejayaan seperti ini jika ianya tidak mengamalkan urustadbir korporat dan pengurusan yang terbaik. Di samping itu, seperti syarikat-syarikat

lain, Petronas mengeluarkan laporan tahunan untuk tatapan umum. Ketelusan dan keterbukaan Petronas dalam menguruskan khazanah minyak negara adalah penting demi kepentingan rakyat.

Dalam mengembangkan operasinya, Petronas senantiasa membangun dan menambahbaik urustadbir korporatnya agar dapat berdaya saing dan berdaya maju di peringkat antarabangsa. Kawalan pasaran seperti ini merupakan mekanisme yang terbaik untuk Petronas menjalankan operasinya dengan telus, terbuka dan komprehensif, demi pembangunan sektor minyak dan gas negara yang mapan. Oleh itu, tidak timbul soal pemindahan kuasa dari Perdana Menteri kepada Parlimen seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MASIR ANAK KUJAT
(SRI AMAN)**

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah skim bekalan elektrik luar Bandar disambung dari Kampung Ran ke Pasar Lachau dan sekitarnya.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian dalam tempoh RMKe8 telah melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) talian grid 33kv dari Sri Aman ke Kg. Ran melibatkan pembinaan talian sejauh kira-kira 20 km dengan kos RM8.16 juta.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, jarak dari Kg Ran ke Lachau dianggarkan kira-kira 15km dan memerlukan pembinaan talian grid 33 kv. Kementerian telah menerima permohonan untuk

melaksanakan 19 projek bernilai RM 5.42 juta melibatkan 887 buah rumah di sepanjang jalan Pan Borneo Highway dari Ran Hilir ke Lachau.

Status terkini ialah kontraktor yang dilantik sedang menjalankan kerja-kerja '*survey*' dan projek dijangka akan mula dilaksanakan pada awal bulan Mei 2008 dan akan disiapkan sebelum bulan Ogos 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah peruntukan Kerajaan kepada Tabung Tsunami untuk membantu mangsa-mangsa di dalam negara dan luar negara dan setakat ini berapakah jumlah baki yang masih belum disalurkan serta di mana ianya disimpan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Majlis Keselamatan Negara (MKN) terlibat secara langsung dalam membantu mangsa-mangsa bencana di dalam negara termasuk bencana Tsunami yang berlaku pada 26 Disember 2004. Manakala, bagi tujuan membantu mangsa-mangsa di luar negara, peruntukan Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri digunakan dan diuruskan oleh Kementerian Luar Negeri.
2. Tabung Bantuan Bencana Negara – Tsunami ditubuhkan untuk mengakaunkan semua sumbangan bagi tujuan Bencana Tsunami bermula 27 Disember 2004 hingga 31 Mei 2005. Sehingga akaun ini ditutup pada 31 Mei 2005, jumlah keseluruhan sumbangan yang diterima adalah RM78,903,287.92 dan sebanyak RM50,270,628.96 telah diagihkan kepada mangsa-mangsa sama ada dalam bentuk bantuan ehsan mahupun bantuan pemulihan dan pembinaan semula.
3. Wang baki sumbangan orang ramai sebanyak RM28,632,658.96 tersebut telah diakaunkan ke dalam Tabung Bantuan Bencana Negara (TBBN) dan kemudiannya dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) untuk tujuan pemberian bantuan ehsan kepada mangsa-mangsa bencana yang lain, seperti banjir, tanah runtuh dan lain-lain jenis bencana.

4. Pada awal tahun 2007, sejumlah RM30,113,288.00 daripada KWABBN telah disalurkan kepada Syarikat Perumahan Negara (SPNB) bagi projek pembinaan semula rumah mangsa Tsunami dimana kekurangan peruntukan telah ditampung menggunakan dana KWABBN. Kesimpulannya, keseluruhan sumbangan yang diterima daripada syarikat korporat, badan bukan Kerajaan dan orang ramai telah digunakan untuk membantu mangsa-mangsa Tsunami 2004.

5. MKN tidak mempunyai senarai aktiviti masukan dan pengeluaran yang lengkap dan terkini bagi Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri termasuk penggunaannya dalam bantuan bencana Tsunami 2004 di luar negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU] MINTA
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH
GARIS PANDUAN PEMBUATAN ASPAL
MENGIKUT PIAWAIAN SEPERTI YANG
TERDAPAT DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN
ADAKAH IANYA SUDAH DIGUNA PAKAI DI

NEGERI SABAH SUPAYA ASPAL YANG DIGUNAKAN BAGI PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN JALAN RAYA DI SABAH AKAN LEBIH TAHAN LAMA DAN TIDAK MUDAH ROSAK.

JAWAPAN : -

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
GARIS PANDUAN PEMBUATAN ASPAL
MENGIKUT PIAWAIAN YANG DIGUNAPAKAI DI
SEMENANJUNG MALAYSIA ADALAH
BERDASARKAN SPESIFIKASI ARAHAN TEKNIK
(JALAN) 4/85 DAN SPESIFIKASI PIAWAI JKR /
SPJ / 1988.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
GARIS PANDUAN YANG SAMA TURUT
DIGUNAPAKAI DI SABAH SEJAK DAHULU LAGI.
SEMUA KERJA-KERJA PENGASPALAN DI
SABAH PERLU MEMATUHI SPESIFIKASI KERJA
YANG DISEDIAKAN OLEH JKR MALAYSIA
SEMENTARA PEMBUATAN ASPAL PULA
ADALAH BERGANTUNG KEPADA PEMBEKAL
SEPERTI SYARIKAT SHELL.**

**OLEH YANG DEMIKIAN, TIDAK TIMBUL ISU
BAHAWA PIAWAIAN ASPAL DI SABAH
BERLAINAN DARI PIAWAIAN DI SEMENANJUNG
MALAYSIA. WALAU BAGAIMANAPUN, INGIN
DINYATAKAN DISINI BAHAWA KEADAAN MUKA
BUMI BERBUKIT-BUKAU, GEOLOGI DAN KESAN
CUACA BURUK YANG SERING MELANDA
NEGERI SABAH TURUT MENYUMBANG
KEPADA KURANGNYA JANGKA HAYAT**

SESEBUAH JALAN TERSEBUT DAN MENJADIKAN JALAN MUDAH ROSAK. BEBAN LORI-LORI YANG LEBIH MUATAN JUGA AKAN MEROSAKKAN JALAN LEBIH AWAL DARI YANG DIJANGKAKAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B DATUK HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK)

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN:

Y.B DATUK HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memberi definisi yang jelas berhubung dengan penduduk bandar dan luar bandar yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar dan apakah program-program yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kemiskinan tegar ini di Pasir Salak khususnya dan di seluruh Malaysia amnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan definisi kemiskinan di Malaysia yang telah dipersetujui oleh Kerajaan, faktor yang menentukan samada sesebuah isi rumah adalah miskin atau miskin tegar adalah bergantung kepada tahap pendapatan bulannya. Secara amnya, definisi kemiskinan dan kemiskinan tegar adalah seperti berikut:

“ sesebuah isi rumah adalah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat”; dan

“ sesebuah isi rumah adalah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat.”

Tuan Yang di-Pertua,

Berasaskan definisi tersebut, PGK yang berasingan disediakan untuk menentukan penduduk miskin dan miskin tegar mengikut bandar dan luar bandar. Nilai PGK 2007 bagi isi rumah miskin di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut; PGK bandar ialah RM740 dan PGK luar bandar ialah RM700; untuk Sabah pula, PGK bandar ialah RM970 manakala PGK luar bandar ialah RM940; dan untuk Sarawak, PGK bandar ialah RM860 berbanding PGK luar bandar iaitu RM810. Bagi isi rumah miskin tegar, nilai PGK bandar untuk Semenanjung Malaysia ialah RM420 berbanding PGK luar bandar iaitu RM440. Negeri Sabah mempunyai PGK bandar dan luar bandar yang sama iaitu sebanyak RM540 dan untuk Negeri Sarawak, PGK bandar ialah RM530 dan PGK luar bandar RM500.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menghapuskan sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan am kepada 2.8% menjelang 2010, pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Antara program-program pembasmian kemiskinan tegar yang sedang dilaksanakan khususnya di luar bandar termasuklah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang terdiri daripada program peningkatan pendapatan, bantuan rumah, pembangunan modal insan, pembangunan masyarakat setempat, kecemerlangan pendidikan dan latihan dan kemahiran kerjaya. Projek Agropolitan juga sedang dilaksanakan di beberapa kawasan bertujuan memberi impak yang maksimum kepada kumpulan sasar miskin tegar di luar bandar. Bagi program pembasmian kemiskinan bandar, ianya dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkumi program-program perumahan keluarga miskin, pendidikan dan latihan serta bantuan ihsan penduduk miskin bandar. Di samping program-program khusus ini, program oleh kementerian dan agensi lain seperti program bagi meningkatkan pendapatan petani, nelayan dan penternak serta program kesihatan dan pendidikan juga terus dilaksanakan. Jumlah perbelanjaan tahun 2006 hingga 2007 untuk program pembasmian kemiskinan di bawah Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah ialah sebanyak RM246.5juta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM22.3juta dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM243.8juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kawasan parlimen Pasir Salak khususnya, sebanyak 29 projek kemiskinan telah dilaksanakan bagi tahun 2006 di bawah SPKR merangkumi program bantuan rumah PPRT, program pembangunan minda insan dan kecemerlangan pelajar serta projek peningkatan pendapatan. Pada tahun 2007 pula, sebanyak 11 projek sedemikian telah dilaksanakan. Program-program ini diteruskan pada tahun 2008 sehingga 2010 dalam usaha mengeluarkan penduduk Pasir Salak dari belunggu kemiskinan.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING
(LANANG)
TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)
SOALAN : **TUAN TIONG - THAI KING** minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:

- a) jumlah subsidi yang diberi kepada industri penanaman padi dalam tahun 2005, 2006 dan 2007; dan
- b) bagaimanakah Kerajaan Persekutuan memberi galakan kepada Kerajaan negeri agar memberi subsidi kepada pengusaha penanaman padi untuk

menambahkan pengeluaran padi
negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Jumlah subsidi yang diberi kepada industri penanaman padi dalam tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti berikut

Jumlah Subsidi dan Insentif 2005 – 2007 (RM)			
Jenis Subsidi	2005	2006	2007
Subsidi Baja Padi	178,072,073	369,393,001	261,677,743
Subsidi Harga Padi	448,000,000	445,000,000	444,000,000
Jumlah	626,072,073	841,393,001	705,677,743

- b) Kerajaan Persekutuan memberikan dua (2) skim subsidi kepada petani iaitu Subsidi Harga Padi melalui BERNAS dan Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan melalui LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak.

- c) Kerajaan Persekutuan sentiasa menggalakkan Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada pesawah-pesawah jika ia mempunyai kemampuan kewangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)
TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah perkembangan terkini Projek Jambatan Pulau Pinang yang kedua dan apakah impak projek tersebut terhadap alam sekitar di Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ketika ini melalui Jawatankuasa Penswastan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan kaedah pelaksanaan projek Jambatan Pulau Pinang Kedua. Pada masa yang sama, rundingan sedang dibuat dengan UEM Group Berhad untuk memuktamadkan model kewangan projek. Setelah kaedah pelaksanaan projek dan model kewangan dimuktamadkan, satu Kertas Jemaah Menteri akan disediakan bagi mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Kerajaan seterusnya.

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Alam Sekitar telah mengenal pasti langkah-langkah bagi memitigasi impak projek tersebut terhadap alam sekitar di Negeri Pulau Pinang. Jabatan Alam Sekitar pada 22 Ogos 2007 telah meluluskan Laporan *Environmental Impact Assessment* tertakluk kepada beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh UEM Group Berhad. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan bersama-sama

Kerajaan Negeri sedang meneliti kesan pembinaan projek ke atas aktiviti ternakan ikan dan kerang di kawasan yang terbabit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]**

TARIKH : 12 MEI 2008

RUJUKAN : 858

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan pendatang asing dengan izin dan tanpa izin di negara ini. Apakah rancangan untuk menghantar mereka ke negara asal serta kesan-kesan yang telah dan akan wujud bagi beratus-beratus ribu yang terus bermastautin di sini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Kepong yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2.1 juta Pendatang Asing Dengan Izin yang bekerja di Malaysia. Mereka ini masuk ke Malaysia dengan teratur dan kerajaan mengetahui di mana mereka dan siapa majikannya.

Seseorang warganegara asing dikategorikan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) apabila mereka melanggar Akta Imigresen 1959/63 serta Peraturan Imigresen 1963 seperti berikut:-

- (i) Masuk dan tinggal di negara ini secara haram atau tanpa dokumen;
- (ii) Tinggal melebihi masa (tempoh) yang dibenarkan;
- (iii) Menyalahgunakan Pas Lawatan/Permit Kerja yang dikeluarkan; dan
- (iv) Masuk/tinggal di negara ini atas dokumen perjalanan/visa palsu.

Pada keseluruhannya, keadaan PATI di negara ini adalah terkawal. Ini adalah hasil dari tindakan penguatkuasaan bersepadu dan

Di antara kesan-kesan yang telah dan sedang dialami oleh negara adalah seperti berikut:-

- (i) Pertambahan pada kadar jenayah negara serta meningkatkan permasalahan perumahan/perkampungan haram;
- (ii) Masalah kesihatan dengan pertambahan dalam kes-kes penyakit berjangkit seperti taun, batuk kering, HIV dan sebagainya;
- (iii) Dari segi ekonomi, ianya menjejaskan hasil negara di mana kerajaan kehilangan kutipan levi dari pelbagai sektor akibat daripada tidak mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah; dan
- (iv) Dari aspek positif pula, pembangunan negara berjalan dengan baik kerana pendatang asing yang sah mampu melakukan kerja-kerja dalam kategori 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*) yang tidak mahu dilakukan oleh rakyat tempatan.

berterusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Ikatan Relawan Negara Malaysia (RELA).

Bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 31 Mac 2008, agensi-agensi ini telah melancarkan sebanyak 1,643 operasi penguatkuasaan. Manakala bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 31 Mac 2008, seramai 15,282 orang warganegara asing telah ditangkap kerana melakukan berbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen, Akta Pasport atau Peraturan Imigresen.

Bagi mereka yang ditangkap dan menjalani hukuman, urusan pengusiran PATI terus giat dilaksanakan. Bagi tahun 2005 seramai 31,537 orang PATI telah menjalani tindakan pengusiran. Ini diikuti pada tahun 2006 seramai 34,166 orang, tahun 2007 seramai 65,080 dan tahun 2008 (01 Januari 2008 sehingga 31 Mac 2008) seramai 11,060 orang PATI telah diusir keluar negara asal setelah selesai menjalani proses pendakwaan dan hukuman. Ini menunjukkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) senantiasa melipat-gandakan usaha di dalam menangani isu PATI di seluruh Malaysia terutamanya dari aspek tangkapan dan pengusiran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran begitu ramai pendatang asing di negara ini membawa pelbagai kesan positif dan negatif kepada sosial, ekonomi dan politik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN DR. DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)
TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah penggunaan dakwat kekal ditarik balik penggunaannya dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu sedangkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mewar-warkan akan menggunakannya sebelum itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama SPR hendak melaksanakan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mempertingkatkan lagi ketelusan di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Ini kerana terdapat dakwaan-dakwaan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan

bahawa ada pengundi-pengundi yang akan cuba mengundi lebih dari sekali. Justeru itu, dengan penggunaan dakwat kekal ia dapat mengelakkan mana-mana pihak untuk mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, persiapan awal yang sewajarnya untuk melaksanakan cadangan penggunaan dakwat kekal telah dibuat oleh SPR.

Namun begitu SPR telah menerima laporan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang memberi gambaran bahawa terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah memperolehi bekalan dakwat kekal daripada negara jiran. Mereka telah merancang mengeksploitasikan penggunaan dakwat kekal dengan cara memujuk pemilih-pemilih terutamanya dari masyarakat luar bandar dan pedalaman supaya terlebih dahulu mencalit dakwat kekal di atas kuku masing-masing sebelum hari mengundi dengan mengatakan bahawa hanya mereka yang sudah dicalit dengan dakwat kekal sahaja yang dibenarkan mengundi pada hari mengundi. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini boleh menyebabkan timbulnya ketegangan di saluran-saluran mengundi kerana petugas-petugas pilihan raya sudah tentu tidak akan mengeluarkan kertas undi kepada mereka yang telah

dicalitkan dakwat kekal di atas kuku masing-masing, sedangkan pada hakikatnya mereka belum lagi mengundi.

Selain daripada itu ejen-ejen mengundi juga sudah tentu akan mambantah mereka yang sudah dicalit dakwat kekal di atas jari kuku masing-masing daripada cubaan mengundi kali kedua. Apa yang berlaku ialah mereka telah diperdayakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jika ketegangan di antara pengundi dan ejen-ejen mengundi berlaku di saluran mengundi di seluruh negara, pihak polis sudah memaklumkan kepada SPR bahawa mereka tidak mampu untuk mengawal ketegangan yang mungkin berlaku sehingga boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam serta huru-hara pada hari mengundi. Justeru itu, pihak polis telah menasihatkan SPR supaya menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal ini dan SPR akur dengan cadangan tersebut.

Di samping itu Ahli Yang Berhormat sekalian perlu maklum bahawa dari segi undang-undang, SPR perlu menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal ini disebabkan peruntukan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan telah menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi. Ini bermakna hak ini tidak boleh dinafikan kecuali jika pemilih

berdaftar itu hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang. Hak ini merupakan hak asasi seseorang pemilih berdaftar. Undang-undang yang memperuntukkan selainnya adalah *ultra vires* Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bermakna bahawa seseorang yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapatkan kertas undi.

Perkara-perkara yang disebutkan tadi telah menjadi bahan perbincangan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 13 Februari 2008 (Hari Pembubaran). Jemaah Menteri telah menolak cadangan SPR untuk memperundangkan cadangan penggunaan dakwat kekal di atas jari kuku pengundi di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Oleh itu amat sukar untuk SPR melaksanakan cadangannya dan dengan itu SPR bersetuju menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah membatalkan cadangannya untuk melaksanakan penggunaan dakwat kekal dalam pilihanraya. Jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang boleh memberi

pandangan dan buah fikiran yang menjurus kepada kemudahan bagi SPR melaksanakan kaedah ini, hendaklah Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan cadangan dan seterusnya berbincang dengan SPR. Kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam hal ini sangat-sangat dialukan oleh SPR.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN LOKE SIEW FOOK
[RASAH]
TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar baru yang dirangka oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat kaum India di Malaysia yang terpinggir.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan tiada rakyat terpinggir daripada menikmati faedah pembangunan, Kerajaan terus melaksanakan strategi pertumbuhan dengan pengagihan yang menjadi tunjang dasar pembangunan negara untuk menghapuskan ketidaksamaan sosioekonomi antara etnik yang masih kekal lebar dan memastikan tiada masyarakat yang tercicir daripada arus perdana pembangunan. Dasar pengagihan telah dikekalkan di bawah teras ketiga Misi Nasional merupakan dasar baru yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9)

iaitu menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif. Antara strategi utama ialah:

- membasmi kemiskinan tegar tanpa mengira kaum menjelang akhir tahun 2010 di samping mengurangkan kemiskinan keseluruhan;
- memajukan wilayah kurang membangun menerusi pusat pembangunan wilayah; dan
- menangani jurang antara dan dalam kumpulan etnik termasuk masyarakat India dengan menambah pendapatan melalui peningkatan kemahiran dan kebolehan.

Bagi menjamin pengekalan pencapaian ekonomi masyarakat India, Kerajaan telah menyalurkan untuk menganjur latihan kemahiran dan usahawan di pelbagai pusat latihan awam dan swasta yang disertai oleh belia India dari golongan keluarga miskin. Sehingga akhir April 2008 seramai 6,320 belia India telah mengikuti latihan tersebut yang antara lain bertujuan meningkatkan taraf ekonomi keluarga India yang terpinggir. Di samping itu, Kerajaan menyediakan peruntukan bagi menggalakkan usahawan India yang layak untuk bergiat dalam perniagaan dan menaiktaraf Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)
TARIKH : 12.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI) minta Menteri Pelajaran menyatakan pembinaan generasi muda belia bermula dari sekolah menerusi program sekolah khususnya kokurikulum tidak mampu membinanya. Mengapa ketika ini pihak-pihak tertentu menghalang NGO berkenaan di sekolah

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tujuan pelaksanaan kokurikulum di sekolah ialah untuk memberi peluang masyarakat luar terlibat (termasuk NGO) dalam pendidikan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan peraturan-peraturan tertentu bagi memastikan kebajikan dan keselamatan guru-guru dan murid-murid yang terlibat.

Dengan demikian, mana-mana NGO yang merancang untuk terlibat dalam penganjuran kegiatan kokurikulum akan dimaklumkan dan seterusnya dipastikan mematuhi peraturan yang ditetapkan sebelum kelulusan dan sokongan diberikan oleh KPM.

KPM adalah komited dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum dan melalui kegiatan kokurikulum ini KPM dapat membangun pembentukan modal insan seperti mana yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Komitmen ini dilaksanakan mengikut perkara-perkara seperti berikut:

- i. Menetapkan peruntukan waktu khas untuk pelaksanaan aktiviti kokurikulum.
Sekolah Menengah – 180 minit seminggu
Sekolah Rendah (Thn 5 - 6) – 120 minit seminggu
Sekolah Rendah (Thn 3 - 4) – 60 minit seminggu
- ii. Menambah peruntukan kewangan untuk pelaksanaan aktiviti.
Pada tahun 1999 – RM2.50 seorang
Pada tahun 2006 – SK RM10.00 seorang
SM RM12.00 seorang
- iii. Memberi bantuan pakaian seragam sebanyak RM100.00 seorang bagi pelajar yang ibu bapa berpendapatan kurang daripada RM1000.00 bermula tahun 2008 dan KPM telah membelanjakan sebanyak RM 180 juta bagi tujuan ini.
- iv. Peruntukan markah 10 % (markah kokurikulum) sebagai syarat untuk kemasukan ke IPTA.

Bagi mencapai objektif pelaksanaan kokurikulum, KPM sentiasa bekerjasama dan mengalu-alukan pihak NGO yang berkaitan (mengikut jenis kegiatan kokurikulum yang ditawarkan di sekolah) dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Pada masa ini KPM mendapat sokongan yang amat baik dari pihak NGO dalam bentuk material dan kepakaran dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Walau bagaimanapun, perhatian serius perlu diberikan untuk memastikan dalam

melibatkan pihak luar tiada unsur negatif dibawa ke dalam sekolah dan tiada gangguan ke atas kelicinian pengurusan sekolah, termasuk pengurusan KPM.

Rjm 36

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : 'TUAN DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
(KUALA KRAI)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 12.05.2008

Tuan Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah subsidi yang diperlukan dalam 2006, 2007 dan unjuran untuk 2008 bagi mengekalkan harga bahan bakar sekarang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas petrol, diesel dan gas memasak (LPG) dari tahun 2000 sehingga 2007 adalah sebanyak RM37.4 bilion, jumlah ini tidak termasuk kehilangan hasil cukai sebanyak RM48.8 bilion. Bagi tahun 2006, jumlah subsidi bagi petrol, diesel dan LPG adalah RM7.3 bilion, bagi tahun 2007 pula adalah sebanyak RM8.7 bilion dan unjuran bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM18.31 bilion.

2. Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sedang mengkaji mekanisma pemberian subsidi bertujuan untuk memastikan golongan yang berhak sahaja menikmati subsidi.

NO SOALAN : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ROSLAN BIN
SHAHARUM
(BUKIT GANTANG)**

**TARIKH : 12 MEI 2008
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa kontrak pembelian pesawat pengangkutan Airbus A 400M yang telah ditandatangani (2005) diutamakan, sedangkan ianya akan siap pada 2012 dan pesawat tersebut tanpa 'prototype' (contoh) berbanding penggantian pesawat NURI. Sila nyatakan jumlah pembelian kontrak tersebut dan berapakah jumlah bayaran setiap tahun.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan pembelian pesawat *Airbus Military A400M* yang dibuat oleh kerajaan pada tahun 2005 adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memenuhi rancangan strategik di dalam pembangunan keupayaan pengangkutan udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Di samping itu, kerajaan juga telah ditawarkan untuk menyertai Program A400M yang baru dilancarkan di Eropah pada tahun 2003. Program ini merupakan satu program kerjasama di dalam perolehan sistem persenjataan yang telah dilancarkan oleh tujuh buah negara di Eropah untuk pembangunan dan pembuatan 180 buah pesawat tentera A400M. Sebagai pulangan, negara-negara rakan kongsi akan diperuntukkan pakej-pakej kerja pembangunan dan pembuatan pesawat A400M di negara masing-masing. Program ini boleh membantu meningkatkan keupayaan Industri Pertahanan tempatan.

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan isu keutamaan pembelian pesawat A400M berbanding dengan pesawat pengganti Nuri, kedua-dua jenis pesawat tersebut sememangnya di dalam perancangan pemodenan TUDM. Walaupun kontrak pembelian pesawat A400M ditandatangani lebih awal, namun pesawat helikopter yang bakal menggantikan NURI akan memasuki perkhidmatan TUDM lebih awal iaitu dijangka pada tahun 2010/2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan '*prototype*' pesawat, kaedah pembangunan '*prototyping*' merupakan kaedah lama yang tidak lagi digunakan di dalam pembangunan dan pembuatan pesawat moden masa kini. Kebanyakan program komersial yang terbesar di dunia industri pembangunan dan pembuatan pesawat pada masa kini telah menggunakan kaedah '*one-phase programme*' berteknologi tercanggih yang mencantumkan fasa-fasa tradisi di dalam proses-proses perekaan-bentuk, pembangunan dan pembuatan pesawat.

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Nilai kontrak perolehan empat buah pesawat ini adalah bernilai RM2.8 bilion. Bayaran dilakukan secara berperingkat mulai tahun 2006 sehingga tahun 2014. Jumlah bayaran yang dilakukan setiap tahun iaitu:

a.	Tahun 2006	-	177.9 juta
b.	Tahun 2007	-	170.2 juta
c.	Tahun 2008	-	168.2 juta
d.	Tahun 2009	-	63.8 juta
e.	Tahun 2010	-	221.2 juta
f.	Tahun 2011	-	583.2 juta
g.	Tahun 2012	-	503.3 juta
h.	Tahun 2013	-	538 juta
i.	Tahun 2014	-	375.9 juta

JUMLAH	2.8 bilion
---------------	-------------------

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP]

TARIKH : 12 MEI 2008 [ISNIN]

SOALAN : Oleh TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran kopi dan kelapa sebagai bahan komoditi negara.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2007, keluasan tanaman kopi tempatan dianggarkan seluas 7,211 hektar. Terdapat dua varieti kopi yang ditanam di Malaysia iaitu kopi Robusta dan Liberica. Kebanyakan kopi yang ditanam di Sabah dan Utara Semenanjung adalah varieti Robusta manakala varieti

Liberica kebanyakannya ditanam di Selatan Semenanjung terutamanya Johor dan Selangor.

Usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan pengeluaran kopi adalah pemulihan dan peningkatan produktiviti kawasan-kawasan kopi sediada. Dua aktiviti utama yang dilaksanakan adalah:

- i) sulaman atau cantuman dengan klon-klon kopi yang berhasil tinggi; dan
- ii) aktiviti pembajaan dan kawalan perosak.

Citarasa dan gaya hidup penduduk negara yang lebih menggemari kopi import varieti Robusta dan Arabica menyebabkan permintaan terhadap kopi tempatan berkurangan.

Bagi tanaman kelapa pula, negara mempunyai keluasan sebanyak 117,650 hektar sehingga tahun 2007. Dua program dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran kelapa adalah:

- i) Program penanaman semula kelapa bagi menggantikan kelapa-kelapa tua yang sudah tidak produktif yang terdiri daripada kelapa tempatan Malayan Tall (hasil 3,500 biji/hektar/tahun) kepada tanaman kelapa Pandan dan varieti hibrid yang berhasil tinggi seperti Matag yang boleh menghasilkan sehingga 25,000 biji/hektar/tahun.
- ii) Program pemulihan kawasan-kawasan kelapa sediada yang masih produktif melalui aktiviti pembaikan saluran, pembajaan dan kawalan makhluk perosak.

Program-program yang dilaksanakan adalah untuk memastikan pengeluaran kelapa dapat memenuhi keperluan tempatan untuk kelapa segar dan keperluan industri serta eksport produk-produk kelapa.

Pembangunan industri kelapa ditumpukan kepada 5 kawasan pengeluaran kelapa utama iaitu di negeri Johor, Perak, Selangor, Sabah dan Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

TARIKH JAWAPAN : 12 MEI 2008 (ISNIN)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

YB. Tuan Lim Guan Eng minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada TNB sedia memperbaiki bekalan elektrik yang berterusan agar tidak berlakunya gangguan yang menjejaskan pengeluaran industri pembuatan dan teknologi tinggi di Estet Perindustrian Prai, Bayan Lepas dan Bukit Minyak yang membawa kerugian besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli yang Berhormat, pihak TNB sentiasa prihatin terhadap kedayaharapan bekalan elektrik pada sistem pembekalan elektrik TNB. Kerja-kerja memperkukuhkan sistem bekalan elektrik secara berterusan sedang giat dilaksanakan secara berperingkat. Pada masa ini beberapa projek peningkatan sistem penghantaran yang melibatkan kos melebihi RM270 juta sedang giat dilaksanakan.

Projek-projek ini termasuk meningkatkan keupayaan Pencawang Masuk Utama (PMU) Bayan Lepas dan PMU Prai Industri yang dirancang siap selewat-lewatnya pada akhir 2009, membina satu PMU baru, iaitu PMU Bayan Mutiara yang dirancang siap pada akhir 2011 dan kerja-kerja memulihara (*rehabilitation*) PMU Bukit Tengah yang dirancang siap pada 2012.

Bagi sistem pembahagian pula, beberapa projek peningkatan kedayaharapan bekalan elektrik dengan kos sebanyak RM103 juta telah dirancang atau sedang dilaksanakan seperti, penubuhan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) baru, iaitu PPU Jalan Mahsuri Pulau Pinang dan PPU Bukit Minyak. Kedua-dua projek ini dijadual siap pada akhir 2009, disamping kerja-kerja memulihara (*rehabilitation*) beberapa PPU diseluruh negeri Pulau Pinang.

Selain itu, pihak TNB juga turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sistem berjadual serta *condition based maintenance*, yang melibatkan belanjawan tahunan keseluruhan sebanyak RM40.2 juta seperti pemeriksaan pemasangan menggunakan sistem *thermography*, peningkatan daya tahan panahan petir (*lightning & surge protector*) dan rondaan laluan kabel dan talian. Langkah-langkah yang semakin ketara diambil pada ketika ini ialah kerja-kerja peningkatan tahap keselamatan pemasangan dari pencerobohan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dengan langkah-langkah yang diambil seperti di atas, adalah diharapkan bekaln elektrik di ketiga-tiga kawasan perindustrian tersebut akan menjadi lebih berdayaharap dan berkualiti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN
Daripada : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)
Tarikh : 12 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (SEPUTEH) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak membenarkan siaran langsung bagi persidangan Dewan Rakyat tetapi hanya membenarkan siaran langsung selama setengah jam bagi sesi soal jawab sahaja. Apakah rasional Kementerian menghadkan siaran langsung selama setengah jam tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B Seputeh terhadap soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat, siaran selama setengah jam ini hanyalah pada peringkat percubaan. Kementerian bersedia memperluaskannya meliputi sesi perbahasan sekiranya mendapat reaksi positif masyarakat

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :

a) apakah usaha pihak Kementerian dalam mempertingkatkan usaha tani dan perladangan bagi mengurangkan pengimportan bekalan daging dari India dan New Zealand; dan

b) adakah bekalan makanan yang berasaskan pertanian dan daging yang dibekalkan oleh peladang dan penternak di negara kita masih tidak dapat memenuhi keperluan penduduk di Malaysia.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri
Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

a) Pada tahun 2007, jumlah import daging lembu / kerbau adalah sebanyak 112,713 tan metrik iaitu 91,463 tan metrik dari India dan selebihnya iaitu sebanyak 21,250 tan metrik dari Argentina, Australia, Brazil, China, New Zealand, Uruguay dan USA. Bagi mengurangkan jumlah pengimportan daging daripada negara-negara luar, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah dalam RMK9 dan RMK10 bertujuan meningkatkan pengeluaran daging dalam negara sehingga mencapai 40% tahap saradiri menjelang 2015 melalui strategi berikut:

- i. Meningkatkan populasi asas ternakan lembu yang sesuai untuk pengeluaran yang mapan menerusi peningkatan bilangan kualiti baka lembu (induk betina dan pejantan) yang produktif menerusi penambahan stok baka lembu, sistem pembiakbakaan secara ladang nukleus dan *multiplier*;
- ii. Menambahbaik persekitaran perniagaan dan prasarana dalam bidang usaha penternakan melalui penggunaan tanah pertanian secara optimum untuk menjalankan aktiviti ternakan lembu seperti pembangunan Pusat Fidlot Nasional di Gemas, Negeri Sembilan dan Skim Insentif 'Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST)';

- iii. Memperkukuhkan sanitari dan fitosanitari bagi membasmi ancaman penyakit ternakan seperti penyakit kuku dan mulut melalui pewujudan zon atau kawasan bebas penyakit secara berperingkat sepanjang RMK9;
 - iv. Menambahbaik kualiti produk dan pengeluaran produk tambah nilai menerusi peningkatan kecekapan, produktiviti, biosekuriti dan kualiti ladang-ladang ternakan lembu melalui skim pensijilan ladang seperti Skim Amalan Penternakan Baik (SALT) serta *Veterinary Health Mark (VHM)*; dan
 - v. Kerajaan juga akan terus mencari peluang untuk mengimport bekalan daging dari negara-negara lain selain India dan New Zealand yang dikenalpasti memberi tawaran harga yang lebih kompetitif.
- b) Bekalan makanan berasaskan daging yang dibekalkan oleh penternak di negara kita masih tidak dapat memenuhi keperluan penduduk Malaysia. Sehubungan itu, pengimportan dari negara luar yang menawarkan harga yang kompetitif masih diperlukan.

Disediakan oleh

Nama : Dr. Fhaisol Mat Amin
Jawatan : Pegawai Veterinar
Seksyen Pedaging
Bhg. Pembangunan Komoditi Ternakan
No. Telefon : 03 - 88702431
012 - 310 9885

SULIT

NO SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap pendedahan kepincangan dan rasuah beberapa Kementerian dan Jabatan yang menguruskan dana awam seperti mana yang telah didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada 7 September yang lepas.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Dari 126 Kertas Siasatan yang dibuka oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) lanjutan dari Laporan Ketua Audit Negara 2006, sebanyak 34 kes telah dituduh di mahkamah. Pertuduhan kes tersebut melibatkan 13 orang penjawat awam dan 2 orang awam dengan keseluruhan 94 pertuduhan. 6 kes telah diperakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan tatatertib, 1 kes telah diperakukan untuk penambahbaikan ke atas sistem dan prosedur kerja agensi berkaitan, 13 kes telah ditutup kerana tiada bukti kesalahan dilakukan, 18 kes masih dalam kajian Bahagian Pendakwaan dan Perundangan BPR manakala 54 kes masih dalam tindakan untuk dilengkapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)
TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Program Rakan Muda yang telah dua kali dilancar dan diberi nafas baru. Nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan pihak Kerajaan untuk menjayakan program tersebut dan langkah pembaharuan dalam program Rakan Muda siri kedua.

JAWAPAN

1. Program Rakan Muda Fasa II telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2007 di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Kuala Lumpur ini lebih berkonsepkan "*Dari Remaja, Untuk Remaja*" yang berasaskan transformasi falsafah pelaksanaan diri, individu kepada komuniti. Program Rakan Muda merupakan sebagai sebuah program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris yang sempurna, bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri (jati diri) serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti lepak dan sebagainya.

2. Pelaksanaan Program Rakan Muda ini bertunjangkan Kelab Rakan Muda di setiap kawasan komuniti sebagai penggerak pembangunan remaja yang lebih menyeluruh selaras dengan pembentukan modal insan. Lanjutan daripada Pelancaran Program Rakan Muda Fasa II tersebut, Kementerian telah diluluskan peruntukan 'one off' sebanyak RM50.6 juta. Namun begitu, hanya sejumlah RM15.8 juta sahaja dapat disalurkan untuk pelaksanaan program termasuk kempen promosi dan publisiti sehingga penghujung tahun 2007.

3. Pendekatan Program Rakan Muda Fasa II ini lebih menjurus kepada perluasan skop pelaksanaan program yang bertemakan kepada 'Prihatin, Mahir dan Dinamik'. Penglibatan pembangunan belia adalah melibatkan penglibatan secara menyeluruh golongan belia dan komuniti setempat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti. Antara pendekatan baru yang diwujudkan di bawah Rakan Muda Fasa II ialah Penubuhan Kelab Rakan Muda di setiap kawasan komuniti, Sukarelawan Rakan Muda, Kad Keahlian Rakan Muda, Pembangunan Sekretariat Rakan Muda yang merangkumi pelbagai sektor serta aktiviti di Kompleks Rakan Muda sebagai Pusat Kegiatan Rakan Muda. Selain itu juga Kementerian ini turut melibatkan pelbagai agensi kerajaan untuk bersama dalam memperkasakan program dan aktiviti Rakan Muda seperti melalui Program Rakan Muda Jiran Muda yang bekerjasama dengan pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional, Program Rakan Muda Wawasan Desa iaitu program kerjasama dengan Sekretariat Rakan Muda di Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta serta Program Anugerah Remaja Perdana yang telah diiktiraf pelaksanaannya dalam aktiviti ko-kurikulum sekolah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

4. Untuk merealisasikan Program Rakan Muda Fasa II tercapai, Kementerian telah mengenal pasti beberapa pendekatan dan strategi dalam perancangan program-program tersebut di atas. Antaranya adalah memantapkan lagi kerjasama sedia ada antara agensi kerajaan/swasta dan NGOs belia dan sukan yang menjurus ke semua peringkat lapisan masyarakat yang berusia 15-25 tahun. Pemantauan program dan aktiviti akan diselaraskan melalui pembentukan Jawatankuasa 3P (Pelaksanaan, Pemantauan, Penyelarasan) Rakan Muda Kementerian dan negeri. Kementerian juga akan terus membangunkan semua kajian impak mengenai pelaksanaan Program Rakan Muda melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
5. Kementerian Belia dan Sukan juga telah melancarkan Kad Keahlian pada 18 Ogos 2007 di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, khusus kepada ahli-ahli Rakan Muda bagi memudahkan proses kajian impak mengenai keberkesanan Program Rakan Muda di peringkat akar umbi. Di samping itu juga, Sekretariat Rakan Muda yang sedia ada akan disusun semula supaya dapat memainkan peranan untuk mendaftar keahlian dalam mengiktiraf penglibatan remaja dalam aktiviti dan program Rakan Muda. Kad keahlian Rakan Muda yang mengiktiraf penglibatan anak-anak muda mempunyai pelbagai ciri keistimewaan di samping mengumpulkan mata ganjaran dengan menyertai pelbagai program/aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda iaitu semakin banyak program/aktiviti yang disertai semakin banyak mata ganjaran akan terkumpul. Dengan mata ganjaran yang di kumpul ahli boleh mendapat hadiah, baucar percuma, potongan

harga istimewa dan pelbagai lagi tawaran oleh pelbagai syarikat yang terlibat dalam sistem kad keahlian ini.

6. Pertubuhan sukarela juga akan turut digembleng bersama dalam Program Rakan Muda Fasa II ini. Semua Kompleks Rakan Muda akan berfungsi sebagai Pusat Kegiatan utama aktiviti dan program Rakan Muda di mana program latihan, pendaftaran dan pengurusan Rakan Muda dilaksanakan secara optima. Pengwujudan Pusat Kegiatan Rakan Muda di setiap kawasan komuniti juga amat dialu-alukan atas permohonan di kawasan tersebut terutamanya melalui pengubahsuaian bangunan sedia ada yang tidak digunakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH
BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**
TARIKH : ISNIN, 12 MEI 2008
RUJUKAN : 005
SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jaminan Kementerian dalam memastikan Pelan Tempatan (*Local Plan*) yang dikeluarkan oleh DBKL konsisten dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur terutamanya dalam kategori dan pengkhususan kegunaan tanah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL2020) disediakan bertujuan untuk menggariskan wawasan, matlamat, strategi dan dasar perancangan bagi keseluruhan Kuala Lumpur. Dasar PSKL2020 digubal bagi memastikan pencapaian wawasan Bandaraya Bertaraf Dunia. Dasar yang digubal ini merangkumi berbagai sektor termasuk pengangkutan, guna tanah, sosio ekonomi, perumahan, alam sekitar dan lain-

lain. PSKL2020 juga turut menetapkan dasar-dasar umum bagi pembangunan setiap zon perancangan.

Pelan Tempatan Kuala Lumpur pula disediakan bagi menterjemahkan wawasan, matlamat, strategi dan dasar yang telah digariskan dalam PSKL2020 dalam bentuk pelaksanaan. Pelan tempatan ini menetapkan zon guna tanah dan *intensity* pembangunan iaitu nisbah plot atau kepadatan kediaman untuk setiap lot di Kuala Lumpur. Zon guna tanah Kuala Lumpur diklasifikasikan kepada 23 kategori seperti jenis kediaman, industri, taman teknologi, kemudahan masyarakat, kawasan lapang dan lain-lain. Di samping itu, pembangunan setiap lot juga tertakluk kepada had-had yang ditentukan oleh zon kawalan ketinggian, zon warisan, zon perlindungan alam sekitar dan zon perancangan transit.

Draf Pelan Tempatan akan dipamerkan kepada awam mulai 15 Mei 2008 hingga 30 Jun 2008. Orang awam berpeluang meneliti pelan tersebut dan mengemukakan pandangan. Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam akan mendengar dan menimbangkan semua pandangan awam dan akan mengesyorkan pindaan yang perlu diambil terhadap pelan tersebut. Datuk Bandar Kuala Lumpur kemudiannya akan meminda dan mengemukakan pindaan Draf Pelan Tempatan kepada Menteri untuk kelulusan.

Kelulusan terhadap Pelan ini akan dipastikan konsisten dengan PSKL2020 yang telahpun diwartakan pada November 2004. Langkah-langkah yang diambil untuk menyemak Pelan Tempatan serta penubuhan Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam antara lain adalah untuk memastikan Pelan Tempatan ini konsisten dengan PSKL2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN
Daripada : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)
Tarikh : 12 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

YB. Datuk Wira Ahmad bin Hamzah (JASIN) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menempatkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia supaya diletakkan dan dikawal selia di bawah Kementerian bagi memudahkan pemantauan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Penerangan tidak ada kuasa untuk menempatkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) di bawah Kementerian ini kerana ia telah ditubuhkan mengikut akta di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 12.05.2008

NOMBOR FAIL : 859

Tuan Razali bin haji Ibrahim (Muar) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab-sebab mengapa setiap kali seseorang memperbaharui pasport, Jabatan Imigresen Malaysia akan memproses dengan memberi nombor pasport baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Muar kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran nombor Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) kepada pemegang pasport adalah berbeza setiap kali pembaharuan PMA dibuat. Pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk mengawal dan memelihara stok buku pasport yang perlu dikaitkan dengan identiti pemilik. Kaedah yang diguna pakai oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ini adalah di atas sebab-sebab berikut:

- (i) Pasport yang dikeluarkan pada masa ini mempunyai ciri-ciri kawalan stok di mana nombor siri pasport telah siap dicetak (*pre-printed*) dan sedia ditebuk pada helaian buku (*perforated*) bagi memudahkan JIM mengawal pengeluaran dan pengiraan stok buku pasport di samping bertindak sebagai tanda pengenalan kepada buku pasport tersebut;
- (ii) Dalam kaedah pemberian nombor pasport kepada pemilik, nombor siri buku tersebut didaftarkan kepada individu. Kaedah ini adalah berdasarkan kepada konsep '*one book identity for one holder identity only*' di mana identiti pemegang pasport dikaitkan dengan nombor siri pasport tersebut.

Kesimpulannya nombor pasport adalah sama dengan nombor siri (kawalan) buku pasport. Nombor pasport berserta buku pasport yang baru akan diberikan kepada pemegang pasport setiap kali ia diperbaharui.

NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)
NO. PERTANYAAN : NO. ~~35~~ 31

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]
minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) kaedah yang digunakan untuk memastikan kurikulum, kursus dan kemudahan yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat dalam pengambilan pelajar luar negara menepati piawaian yang ditetapkan Kementerian agar tidak menjejaskan reputasi negara untuk menjadi pusat pengajian terulung di rantau ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan prestasi dan ranking universiti tempatan yang kebelakangan ini begitu merosot.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kurikulum, kursus dan kemudahan yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat dalam pengambilan pelajar luar

negara menepati piawaian yang ditetapkan, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Kurikulum IPT yang mempunyai wakil daripada industri untuk mengubal kurikulum dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, berinovatif dan bersifat antarabangsa.

Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah melaksanakan sistem jaminan kualiti yang menyeluruh dan menyokong pembangunan kualiti pendidikan di samping pemantauan secara berterusan melalui audit institusi ke atas program-program pengajian yang dijalankan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Selain itu, pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualification Framework* (MQF) dengan mendapatkan maklum balas pihak luar seperti pakar akademik, industri / majikan dan alumni dalam penggubalan dan semakan keberkesanan kurikulum mampu memastikan setiap aspek termasuk kurikulum, kursus dan kemudahan yang ditawarkan oleh IPT menepati piawaian yang telah ditetapkan.

b) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah dilancarkan dan akan dijadikan panduan kepada transformasi pengajian tinggi serta meningkatkan prestasi serta ranking universiti tempatan.

Langkah-langkah yang akan diambil termasuk:-

- i. Meneruskan pengambilan pelajar ke IPTA menerusi sistem meritokrasi berdasarkan akademik dan kokurikulum, menyediakan piawai laluan kemasukan ke IPT bagi menggalakkan fleksibiliti kursus dan kemasukan terbuka;
- ii. Menambah baik kurikulum supaya relevan di mana Jawatankuasa Kurikulum IPT diberi fleksibiliti untuk mengubal kurikulum dan memastikan pelaksanaan ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan;
- iii. Memantapkan pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah pengajaran yang berinovatif dan sentiasa relevan dan dinamik seiring dengan kehendak industri;
- iv. Memantau, menilai kemajuan prestasi, kualiti kurikulum dan program pengajian secara berterusan dan berkala;
- v. Memantapkan sistem penilaian pembelajaran dan perkhidmatan sokongan pelajar untuk meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran;
- vi. Menambah bilangan penyelidik dan mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi serta menggalakkan IPT menerajui aktiviti R & D bagi penerokaan dan penemuan ilmu baru dan termaju;

- vii. Memantapkan struktur tadbir urus IPT dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang dinamik, berkualiti dan berintergriti;
- viii. Memperluas dan memantapkan jaringan global IPT dengan IPT terkemuka luar negara serta kolaborasi antarabangsa dengan syarikat multinasional dan pihak swasta;
- ix. Prinsip merit telah mula diterapkan dalam pemilihan kepimpinan universiti. Pemilihan Naib-naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor telah dibuat melalui Jawatankuasa Carian (Search Committee);
- x. Kriteria yang lebih mantap untuk kenaikan pangkat profesor yang menitik beratkan penerbitan dan penyelidikan;
- xi. Ahli akademik Bukan Bumiputera yang berkelayakan juga mulai dilantik ke jawatan Timbalan-timbalan Naib Canselor; dan
- xii. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang telah dilancarkan pada 2 November 2007 akan melaksanakan pengendalian aktiviti jaminan kualiti dan pengauditan ke atas IPTA dan IPTS secara lebih agresif lagi bermula 2008.

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
KAWASAN : TAIPING
TARIKH : 12.05.2008 (ISNIN)
SOALAN :

Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing yang mengalir masuk ke dalam Malaysia mengikut tahun dan negara dari 1999 hingga 1/3/2008.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Sejak tahun 1999, jumlah kemasukan pelaburan asing ke negara kita meningkat berlipat ganda, dari RM12.3 bilion pada tahun 1999 sehingga RM33.4 bilion pada tahun lepas.

Pada tahun 1999, sejumlah RM12.3 bilion pelaburan asing telah dicatat, diikuti dengan RM19.8 bilion pada tahun 2000, RM16.0 bilion pada tahun 2001, RM11.6 bilion pada tahun 2002, RM15.6 bilion pada tahun 2003 dan RM13.1 pada tahun 2004. Peningkatan ketara dalam pelaburan asing dicatatkan untuk tiga tahun berturut-turut bagi tahun

2005, 2006 dan 2007 iaitu RM17.9 bilion, RM20.2 bilion dan RM33.4 bilion masing-masing. Bagi tahun 2008, setakat 1 Mac 2008, jumlah pelaburan asing yang diluluskan adalah sebanyak RM2.4 bilion.

Pada tahun 2007, daripada jumlah pelaburan RM59.9 bilion yang diluluskan, RM33.4 bilion atau 55.7 peratus adalah pelaburan asing. Pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2007 adalah yang tertinggi pernah direkodkan setakat ini dan mencatatkan kenaikan sebanyak 65.3 peratus berbanding dengan RM20.2 bilion pada tahun 2006.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh 1999 hingga 1 Mac 2008, 10 negara asing yang menyumbang pelaburan tertinggi adalah Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, Singapura, Belanda, United Kingdom, Republik Korea, Taiwan, Australia dan Emiriyah Arab Bersatu.

Dari segi sumber utama pelaburan asing pada tahun 2007, Jepun merupakan sumber pelaburan asing terbesar yang diluluskan dalam sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM6.5 bilion. Ini diikuti oleh Jerman (RM3.8 bilion), Iran (RM3.1 bilion), Amerika Syarikat (RM3.0 bilion), Singapura (RM2.95 bilion) dan India (RM2.92 bilion).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]
TARIKH JAWAPAN : 12 MEI 2007 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

YB. Tuan Khairy Jamaluddin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian tersebut untuk memastikan kegunaan air di Malaysia dikawal agar ia dapat berkekalan untuk jangka masa panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan-tindakan yang diambil untuk melestarikan sumber bagi bekalan air di seluruh negara supaya dalam keadaan sentiasa mencukupi secara umumnya dilaksanakan melalui empat pendekatan seperti berikut:

Pendekatan pertama, pelaksanaan program pembangunan sumber dan infrastruktur bekalan air berpandukan **Laporan Kajian Sumber Air Negara 2000-2050**. Laporan ini adalah satu pelan jangka panjang yang telah mengenal pasti program-program yang perlu dilaksanakan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga tahun 2050. Program-program tersebut merangkumi cadangan pembinaan empangan, takungan air, muka sauk, loji rawatan air dan sistem agihan.

Kerajaan pada masa ini sedang dalam proses untuk mengkaji semula laporan tersebut. Ini adalah berikutan beberapa perkembangan terbaru seperti faktor perubahan cuaca dunia, fenomena pemanasan global dan perubahan corak serta pendekatan pembangunan terutamanya dengan pelaksanaan koridor-koridor pembangunan ekonomi yang telah memberi impak secara langsung kepada sumber dan pola penggunaan air di seluruh negara. Kajian semula ini yang turut meliputi keperluan sumber dan bekalan air bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah untuk memastikan laporan tersebut akan terus relevan dan boleh diharap (*reliable*).

Pendekatan kedua, pewujudan kerangka perundangan dan institusi khusus bagi mengawal selia perkhidmatan dan memulihara sumber serta punca bekalan air negara. Di peringkat nasional, Kerajaan telah mewujudkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) bagi mengawal selia perkhidmatan dan bekalan air. Manakala di setiap negeri, Enakmen bekalan air dipinda dengan memasukkan peruntukan berkaitan pemuliharaan sumber dan kawasan tadahan air. Pindaan kepada enakmen ini akan membolehkan kawasan tadahan serta punca air dipulihara daripada pencemaran dan pengambilan air mentah dikawal bagi mengelakkan pembaziran. Sementara itu, urusan dan hal ehwal air antara negeri terutamanya yang melibatkan aktiviti pemuliharaan dan pemindahan sumber air merentasi sempadan negeri akan diselaraskan oleh Majlis Sumber Air Negara. Majlis ini akan menentukan dasar-dasar yang sesuai supaya pemuliharaan sumber air dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan ia terjamin lestari dan terus dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Pendekatan ketiga, di bawah RMKe-9, Kerajaan memberi tumpuan kepada pelaksanaan program bekalan air berkonsepkan “*demand-driven*” dengan memberi penekanan kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem perkhidmatan. Bagi maksud ini, setiap operator air disarankan untuk melaksanakan program pengurangan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) secara holistik. Di bawah program ini, pengurangan kadar NRW akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat tetapi berterusan dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti bersepadu yang meliputi penggantian paip-paip usang yang diiringi dengan usaha memodenkan pengurusan perkhidmatan bekalan air menggunakan teknologi terkini seperti *Geographic Information System (GIS)*, *Surveillance Control and Data Acquisition (SCADA)*, Telemetry, pengawalan tekanan air dan *District Metering Zone (DMZ)*.

Sementara itu, Kerajaan juga menumpukan usaha untuk meningkatkan keupayaan sistem pembekalan air melalui penambahan kuantiti air mentah dengan mengenal pasti sumber dan punca air berpotensi khususnya air bawah tanah. Selain daripada itu,

usaha untuk membina dan menaik taraf loji rawatan serta rangkaian paip dijalankan selari dengan peningkatan permintaan semasa dan seiringan dengan pembangunan fizikal sesebuah kawasan penempatan.

Pendekatan keempat ialah menjalankan kempen kesedaran penjimatan dan penggunaan air secara berhemah. Program ini dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri bagi memupuk kesedaran bahawa air adalah sumber terhad dan penggunaannya wajar dikawal bagi mengelakkan pengambilan air mentah secara berlebihan.

Tuan Yang Dipertua,

Empat pendekatan ini dijalankan secara berterusan bagi memastikan kegunaan air di Malaysia dikawal agar ia dapat berkekalan untuk jangka masa panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG)
PERTANYAAN : MULUT
TARIKH : 12.05.2008

Y.B. Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah (Subang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memberi perlindungan kepada orang ramai yang diisytiharkan muflis dan juga disenaraihitamkan di bawah CCRIS (yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia) sebab identiti mereka dicuri oleh pihak lain dan disalahgunakan untuk pinjaman-pinjaman menipu.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan maklumat dalam *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) adalah tertakluk kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam dan Akta Sistem Pembayaran 2003. Hanya institusi kewangan yang dibenarkan sahaja yang boleh mendapat akses, menerima dan menyumbang maklumat kredit kepada CCRIS. Selain itu, individu atau peminjam juga boleh mendapatkan maklumat kredit mengenai dirinya sendiri bagi

tujuan pengesahan ketepatan maklumat yang dilaporkan kepada Biro Kredit BNM.

2. Bagi mengawal penggunaan maklumat kredit dalam CCRIS oleh institusi kewangan, BNM telah mengeluarkan garis panduan bertajuk "*CCRIS Guidelines for Submission and Usage of CCRIS Information by Participating Financial Institutions*" pada 24 April 2001. Maklumat yang diperolehi daripada CCRIS adalah rahsia dan hanya boleh digunakan untuk penilaian kebolehpercayaan kredit seperti berikut:

(a) apabila terdapat permohonan kredit baru yang dikemukakan oleh bakal peminjam atau peminjam sedia ada; dan

(b) untuk penilaian semula kemudahan kredit peminjam yang sedia ada.

3. Semua institusi kewangan dikehendaki mengemaskinikan maklumat yang terkandung dalam data CCRIS secepat mungkin sekiranya bayaran telah dibuat oleh peminjam. Para peminjam boleh mendapatkan salinan laporan kredit mereka daripada Biro Kredit, BNM untuk memastikan maklumat berkenaan mereka adalah tepat dan kemas kini.

4. Berdasarkan huraian ini, adalah jelas bahawa maklumat yang terkandung di dalam laporan kredit CCRIS adalah secara keseluruhan bersifat fakta dan ia tidak mengisytiharkan muflis atau menyenaraihitamkan orang ramai. Ia hanya menyediakan laporan mengenai kedudukan kredit seseorang individu dengan

institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan merupakan ahli CCRIS. Laporan tersebut hanyalah sebagai salah satu faktor yang digunakan oleh institusi kewangan semasa membuat keputusan meluluskan permohonan kredit.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat Individu yang identiti mereka telah dicuri dan disalahgunakan untuk pinjaman-pinjaman palsu, mereka adalah dinasihatkan untuk melaporkan perkara tersebut kepada BNM sekiranya ia melibatkan institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM, ataupun melaporkan terus kepada institusi kewangan yang berkenaan untuk membersihkan laporan kredit mereka. Apabila siasatan dan bukti-bukti yang dikemukakan mengesahkan bahawa identiti individu tersebut telah dicuri atau disalahgunakan, institusi kewangan tersebut akan melaporkan kepada CCRIS bahawa transaksi atau akaun tersebut merupakan transaksi atau akaun palsu, dan dengan itu ia tidak akan dinyatakan dalam laporan kredit individu berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
TARIKH : 12 MEI 2008
SOALAN :

DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [Alor Gajah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah langkah yang diambil ke atas syarikat yang didapati telah menggaji pekerja dengan upah yang rendah sehingga dianggap sebagai "buruh paksaan" dalam taksiran Bangsa-Bangsa Bersatu, seperti yang dilaporkan dalam The Daily Telegraph, United Kingdom baru-baru ini.

PR-1211-L11283

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah maklum tentang artikel yang disiarkan di akhbar The Daily Telegraph, United Kingdom pada 24 Mac 2008 yang bertajuk "*Workers at Tesco Paid Just 8p an Hour*".

Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tindakan untuk menyasat perkara ini dan telah mengenalpasti syarikat yang dimaksudkan dalam akhbar tersebut adalah syarikat pembersihan yang telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di gedung-gedung syarikat Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd.

Siasatan Kementerian mendapati pekerja yang dimaksudkan di dalam artikel tersebut adalah pekerja asing warganegara Bangladesh yang mula digajikan oleh syarikat pembersihan tersebut pada 25 Ogos 2007. Kementerian mendapati bahawa masalah yang dibangkitkan oleh pekerja itu berpunca daripada kekeliruannya mengenai butiran yang di catat di dalam penyata gaji yang diterimanya untuk bulan Ogos 2007.

Menurut fakta, pekerja tersebut hanya berkerja 6 hari iaitu dari 26 hingga 31 Ogos 2007 dan telah menerima gaji RM136.00 (£ 22.66). Kekeliruan ini berlaku akibat pekerja tersebut tersalah tafsir terhadap penyata gajinya yang mana telah dicatat untuk keseluruhan bulan Ogos sedangkan pekerja tersebut belum mula bekerja bagi tempoh 1 hingga 25 Ogos 2007. Pekerja tersebut telah dimaklumkan tentang kedudukan sebenar perkara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. LO' LO' BINTI
MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA)
TARIKH : ISNIN, 12 MEI 2008
RUJUKAN : 006
SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mekanisme Kementerian dalam meluluskan Projek Perumahan Rakyat (PPR)/Projek Perumahan Awam (PPA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Perancangan Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan program yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berdasarkan keperluan dan keutamaan jumlah permintaan dan bilangan setinggan. Pelaksanaannya bergantung kepada peruntukan pembangunan yang diluluskan serta tapak atau lokasi yang bersesuaian.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya menerima unit rumah yang telah siap untuk proses pengagihan kepada pemohon-pemohon.

SOALAN NO: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]**

TARIKH : 12 MEI 2008

RUJUKAN : 860

SOALAN: 37

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab baru-baru ini Encik Uthayakumar telah dimasukkan ke hospital Taiping. Adakah ini disebabkan oleh larangan atas beliau untuk menerima ubat tiap-tiap hari semasa tahanan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Encik Uthayakumar a/l Ponnusamy dari semasa ke semasa telah dibawa ke Hospital Taiping bagi tujuan pemeriksaan dan rawatan berkaitan penyakit diabetes yang dihidapinya. Pada 21 Disember 2007, Encik Uthayakumar a/l Ponnusamy telah dibekalkan ubat bagi penyakit diabetes oleh pegawai perubatan kerajaan yang memeriksa dan merawatnya. Walau bagaimanapun beliau enggan memakan ubat yang dibekalkan. Semasa rawatan dan pemeriksaan susulan di Hospital Taiping pada 7 April 2008, didapati beliau mempunyai kandungan gula yang tinggi dan telah dimasukkan ke wad hospital berkenaan sehingga 9 April 2008 untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah Encik Uthayakumar a/l Ponnusamy dibenarkan kembali semula ke Tempat Tahanan, beliau masih enggan memakan ubat yang dibekalkan sehingga menyebabkan doktor dari Hospital Taiping perlu datang ke Tempat Tahanan untuk memberikan nasihat. Keadaan sebegini tidak pernah berlaku kepada orang-orang tahanan yang lain. Walau bagaimanapun, setelah mendapat pandangan dan nasihat daripada doktor berkenaan, Encik Uthayakumar a/l

Ponnusamy telah menerima ubat yang dibekalkan dari Hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan tidak pernah menafikan hak perubatan terhadap mana-mana tahanan termasuk tahanan En. Uthayakumar a/ Ponnusamy. Setiap tahanan yang mengadu sakit atau memerlukan rawatan akan diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan Tempat Tahanan Perlindungan, Taiping, Perak dengan merujuk terlebih dahulu kepada pembantu dan pegawai perubatan untuk merawat dan seterusnya menentukan jenis ubat yang sesuai dengan penyakit yang dihidapi oleh orang tahanan. Sekiranya pihak pembantu dan pegawai perubatan berpendapat tahanan perlu rawatan susulan bagi rujukan pakar perubatan, maka pengurusan Tempat Tahanan tersebut akan merujuk tahanan berkenaan kepada hospital kerajaan yang berkenaan dengan seberapa segera.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Datuk Haji Baharum Bin Mohamed
(Sekijang)
Tarikh Menjawab : 12 Mei 2008 [Isnin]
Soalan : [No. ~~48~~ 38

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan apakah 5 negara terbanyak yang mengimport minyak sawit Malaysia dan nyatakan jumlahnya mengikut tahun dari 2001 sehingga 2007.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, lima negara pengimport terbesar minyak sawit Malaysia mengikut tahun dari 2001 sehingga 2007 adalah Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah, Pakistan, India dan Amerika Syarikat. Bagi tahun 2007, jumlah eksport keseluruhan minyak sawit dan produk-produk sawit adalah berjumlah RM45.2 billion.

Nilai-nilai eksport ke negara-negara tersebut :

- a. Republik Rakyat China : RM10,668.9 juta (23.6% dari jumlah eksport);
- b. Kesatuan Eropah : RM 7,382.4 juta (16.4% dari jumlah eksport);
- c. Amerika Syarikat : RM3,467.4 juta (7.7% dari jumlah eksport);
- d. Pakistan : RM2,834.1 juta (6.3% dari jumlah eksport); dan
- e. India : RM1,400.7 juta (3.1% dari jumlah eksport)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEDUA BELAS
2008**

Nilai eksport minyak sawit Malaysia dari tahun 2001 hingga 2007 adalah seperti berikut:

Negara	Tahun [RM Juta]						
	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Republik Rakyat China	1,575.6	2,994.1	4,726.2	5,735.9	5,158.2	6,464.8	10,668.9
Kesatuan Eropah	2,569.4	2,723.9	4,233.3	5,249.5	5,396.1	5,958.7	7,382.4
Amerika Syarikat	775.1	1,065.7	1,326.6	1,647.8	1,994.1	2,195.1	3,467.4
Pakistan	1,127.3	1,523.2	1,828.1	1,841.0	1,499.9	1,642.8	2,834.1
India	1,893.6	2,346.0	2,707.7	1,897.3	1,270.1	1,157.4	1,400.7

Sumber: MPOB

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

TARIKH : ISNIN, 12 MEI 2008

RUJUKAN : 007

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilakah projek menaiktaraf Jalan Segambut ke Mont Kiara dapat dimulakan, apakah pelan terperinci, berapa kosnya, siapakah kontraktor-kontraktor dan kenapa mereka dipilih sebagai kontraktor-kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, saya ingin memaklumkan bahawa **Projek Menaiktaraf Jalan Segambut ke Mont Kiara telah dimasukkan ke dalam cadangan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10)**. Walau bagaimanapun, proses pengambilan tanah bagi projek ini sedang dilaksanakan dalam RMKe-9.

Kos keseluruhan projek dianggarkan RM165 juta dan peruntukan syiling yang telah diluluskan dalam RMKe-9 ialah RM40 juta termasuk kos pengambilan tanah. Sebanyak

RM20 juta daripadanya telah disediakan dan dijangka cukup hanya untuk pembiayaan pengambilan tanah sahaja.

Pada masa ini status pengambilan tanah adalah dalam proses untuk pewartaan. Pelan terperinci hanya boleh diperiksa selepas pengambilan tanah diwartakan.

Kontraktor masih belum dilantik bagi pelaksanaan projek ini. Pelaksanaannya akan dijalankan apabila peruntukan kewangan disediakan nanti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DIPADAKAN : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)
TARIKH : 12.05.2008
SOALAN : **Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)**

Meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Ahli Parlimen akan disediakan dengan pembantu penyelidikan dan pejabat yang dibiayai oleh Kerajaan, seperti mana yang dijalankan di negara-negara demokrasi yang maju bagi meningkatkan kualiti perdebatan di dalam Parlimen.

JAWAPAN :

Untuk makluman YB, Kerajaan telah pun menyediakan 15 orang Pegawai Penyelidik untuk membantu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pegawai-pegawai ini ditempatkan di Unit Penyelidikan Parlimen Malaysia dan Yang Berhormat boleh pada bila-bila masa mendapatkan bantuan dan perkhidmatan mereka. Berkenaan dengan pejabat pula Kerajaan setakat ini tidak berhasrat menyediakannya.

NO. SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Dato' Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan-kerajaan negeri diberikan kebebasan untuk menarik pelabur dan melakukan inisiatif fasiliti kewangan bagi menjayakan program pembangunan koridor-koridor ekonomi yang telah dilancarkan sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Koridor-Koridor Pembangunan sebagai salah satu daripada pendekatan baru bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini. Pelaksanaan projek Koridor-Koridor Pembangunan ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memesatkan lagi pembangunan ekonomi di wilayah dan negeri-negeri yang terlibat. Bagi mencapai matlamat memajukan Koridor-Koridor Pembangunan yang diperkenalkan supaya

dapat membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan akan berusaha menggalakkan pelaburan, terutamanya pelaburan daripada pihak swasta di setiap koridor tersebut. Ini adalah kerana Kerajaan melihat bahawa pelaburan swasta adalah amat penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara ataupun wilayah dan seterusnya membantu menjayakan inisiatif Koridor Pembangunan ini. Oleh itu, dalam usaha menggalakkan penyertaan pihak swasta, baik pelabur asing ataupun pelabur tempatan, beberapa insentif dan galakan khusus telah dan akan diwujudkan bagi menjadikan wilayah atau koridor ini lebih mesra pelabur.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun antara fungsi utama pihak-pihak berkuasa koridor yang telah ditubuhkan bagi setiap koridor pertumbuhan ialah untuk menarik pelaburan ke dalam kawasan koridor masing-masing tetapi Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkaitan juga adalah bebas untuk menarik pelabur dan melakukan inisiatif fasiliti kewangan bagi membantu menjayakan program pembangunan koridor-koridor ekonomi yang telah dilancarkan ini. Tidak ada sekatan untuk Kerajaan-kerajaan Negeri berusaha sendiri untuk menarik pelabur asing malah kita amat mengalu-alukan dan menyokong sepenuhnya inisiatif ini kerana adalah menjadi tanggungjawab bersama antara pihak-pihak berkuasa koridor dan Kerajaan Negeri yang terlibat untuk mencapai matlamat jumlah pelaburan yang diperlukan seperti yang terkandung dalam Pelan Induk koridor masing-masing. Selagi usaha menarik pelabur dan melakukan inisiatif fasiliti kewangan ini tidak menyalahi mana-mana undang-undang negara

yang ada maka Kerajaan Negeri ataupun pihak berkuasa koridor yang berkaitan adalah bebas berbuat demikian. Malah pihak-pihak berkuasa koridor boleh bersama-sama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkaitan berusaha secara bersama menarik pelaburan bagi menjayakan program pembangunan koridor-koridor ekonomi yang telah dilancarkan.

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF
RAWA (PARIT BUNTAR)
TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)
SOALAN : **DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF**
RAWA minta **MENTERI**
PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:

Apakah usaha Kementerian untuk
mempertingkatkan pendapatan petani di
Kerian – Sungai Manik dan usaha untuk
menyekat tanah padi ditukar status
kepada tanaman kelapa sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi meningkatkan pendapatan petani di kawasan Kerian – Sungai Manik, pihak IADA Kerian – Sungai Manik telah melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- (i) Mewujudkan sistem pengurusan berpusat (mini estet/ estet) tanaman padi secara komersial melalui kaedah pertanian tepat;
- (ii) Menggabungkan lot-lot sawah kecil yang tidak ekonomik untuk diusahakan oleh usahawan tani secara komersial melalui perkongsian pintar dengan pesawah;
- (iii) Memperkemaskan sistem infrastruktur ladang termasuk sistem pengairan, struktur dan reka bentuk sawah dan jalan ladang;

- (iv) Menggalakkan petani menggunakan tanah secara optimum dengan tanaman, ternakan, akuakultur atau projek industri asas tani sebagai pendapatan sampingan selain padi;
- (v) Memperkemaskan program pengembangan dan sistem penyampaian.

Langkah-langkah yang dinyatakan di atas merupakan usaha yang dijalankan bagi menyekat dan meyakinkan pesawah untuk tidak menukar tanah padi kepada tanaman kelapa sawit. Selain itu, pihak IADA Kerian – Sungai Manik telah membuat permohonan untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak pentadbir tanah Daerah Kerian supaya permohonan penukaran jenis tanaman di lot-lot sawah tidak dipertimbangkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. JEYAKUMAR DEVARAJ (SG. SIPUT)
TARIKH : 12 MEI 2008
SOALAN :**

Dr. Jeyakumar Devaraj (Sg. Siput) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada wujud cadangan untuk membekukan perkembangan hospital-hospital swasta memandangkan perkembangan hospital swasta mempercepatkan penghijrahan para doktor pakar ke sektor swasta dan ini melemahkan hospital-hospital awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai cadangan untuk membekukan perkembangan hospital-hospital swasta di negara ini. Walaupun bilangan hospital swasta telah meningkat daripada 211 buah hospital dengan 8,873 buah katil pada tahun 1998 kepada 229 buah hospital dengan 11,722 buah katil dalam tahun 2007, namun perkembangan ini tidak melemahkan perkhidmatan hospital-hospital awam.

Perkhidmatan-perkhidmatan di hospital swasta juga diperlukan oleh orang ramai dan ini sedikit sebanyak membantu hospital-hospital Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada rakyat. Pada masa yang sama, pihak hospital swasta juga dibenarkan untuk mengambil pakar-pakar dari luar negara.

Untuk meningkatkan mutu hospital Kerajaan dan mengurangkan kadar penghijrahan pakar-pakar, Kementerian Kesihatan telah mencadangkan dan melaksanakan beberapa mekanisme. Antaranya adalah:

1. Memberikan insentif kenaikan pangkat dan menaikkan kadar elaun pakar ;
2. Memberikan kelonggaran kepada pakar yang telah memilih skim KWSP untuk bertukar ke skim pencen ;
3. Meningkatkan pendapatan sampingan pakar melalui skim lokum ;
4. Mengadakan skim pesakit bayaran penuh (*Full Paying Patients*) untuk pakar-pakar ;
5. Mengadakan skim pembedahan elektif pada hari cuti ;
6. Meningkatkan pendapatan pakar dengan insentif syarahan sampingan ;
7. Memberikan insentif latihan dalam perkhidmatan ; dan
8. Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengadakan peralatan yang sesuai di hospital awam untuk digunakan oleh pakar-pakar

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

TARIKH : 12 Mei 2008 (ISNIN)

SOALAN : 52 44

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan untuk menyempurnakan North Butterworth Container Terminal (NBCT). Nyatakan kos projek NBCT, jenis perbelanjaan sama ada ia merangkumi kos bayaran royalti pasir dan bilakah ia akan siap.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek pembesaran North Butterworth Container Terminal Fasa 2 yang sedang dilaksanakan adalah dibiayai oleh Penang Port Sdn. Bhd. sendiri. Kos keseluruhan pembangunan Fasa 2 adalah sebanyak RM233.36 juta dan ianya dilaksanakan secara berperingkat. Projek terakhir dalam Fasa 2 adalah pembinaan yad kontena yang akan siap pada Julai 2008 dan bangunan pejabat yang dijangka siap pada tahun 2009. Kos pembangunan bagi projek pembinaan yad kontena adalah termasuk kos bayaran royalti pasir.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
(PONTIAN)**

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri KKLW menyatakan berapa banyakkah pusat-pusat pertumbuhan desa telah dibangunkan di negara ini menjadikan kawasan kampung menjadi pekan-pekan kecil. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menambah bilangan pusat itu demi mengagihkan pembangunan negara dengan lebih merata.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga Mei 2008 sebanyak 45 buah PPD telah dibangunkan (seperti jadual dilampirkan).

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, pihak Kementerian tiada perancangan untuk menambah bilangan PPD. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui beberapa

program seperti Program Pemajuan Kawasan (PPK) dan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) telah membangunkan petempatan-petempatan penduduk yang mempunyai infrastruktur asas dan kemudahan awam yang lengkap bagi membantu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat desa..

Melalui pusat-pusat penempatan sedemikian, secara tidak langsung, permintaan kepada perkhidmatan dan perniagaan akan mula wujud dan ini seterusnya akan melahirkan sebuah pusat pertumbuhan desa dalam skala yang lebih kecil.

**SENARAI PROJEK-PROJEK PUSAT PERTUMBUHAN DESA YANG
DILAKSANAKAN DI BAWAH KEMENTERIAN SEHINGGA MEI 2008**

Bil	Negeri	Nama Projek
1	Perlis	PPD Kg. Batu Bertangkup, Chuping
2		PPD Kg. Nisam
3	Pulau Pinang	PPD Kg. Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara
4		PPD Kg. Dua Puluh, Penaga
5		PPD Sg Acheh, Nibong Tebal
6	Perak	PPD Kg. Batu 6, Beriah, Kerian
7		PPD Sg. Renggam, Perak Tengah
8		PPD Kg. Jeram Mengkuang
9		PPD Kg. Banggol Batu, Lenggong
10		PPD Alor Pongsu
11	Kelantan	PPD Kg. Nenasi, Bachok
12		PPD Kg. Kolam Lubuk Serdang
13		PPD Manek Urai
14		PPD Ulu Temiang
15		PPD Kg. Jerek
16		PPD Kg. Gual Ipoh, Pasir Putih
17	Terengganu	PPD Kg. Kuala Telemong, Hulu Terengganu
18		PPD Kg. Pasir Akar, Besut
19		PPD Kg. Telemong, Hulu Telemong
20		PPD Kg. Guntung Luar, Setiu
21		PPD Kg. Pengkalan Berangan, Marang
22		PPD Rantau Panjang
23		PPD Lubuk Lesong
24		PPD Perasing Jaya
25	Kedah	PPD Kg. Sungai Korok, Kubang Pasu
26		PPD Kg. Relau, Bandar Baharu
27		PPD Binjai, Kubang Pasu
28		PPD Kupang, Baling
29		PPD Naka, Padang Terap
30		PPD Baling, Baling
31		PPD Jeniang, Kuala Muda
32		PPD Sik, Sik
33		PPD Sungai Tiang, Pendang
34	Selangor	PPD Kg. Merbau Berdarah, Sabak Bernan
35		PPD Kg. Lui Bt. 20,
36		PPD Kg. Kuantan, Hulu Selangor
37	Sarawak	PPD Kg. Telaga Air, Kuching
38	Negeri Sembilan	PPD Kg. Sg. Raya, Port Dickson
39		PPD Kg. Mendom
40		PPD Kg. Sg. Muntoh
41	Melaka	PPD Kg. Tehel Tengah
42		PPD Kg. Ayer Pa' Abas, Alor Gajah
43	Johor	PPD Kg. Sri Merlong, Batu Pahat
44	Pahang	PPD Simpang Bukit Mendi, Bera
45		PPD Kg. Soi, Kuantan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN CHOW KON YEOW
TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meneruskan perhubungannya dengan Kerajaan Negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor supaya pembangunan sosio-ekonomi negara tidak terjejas.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan akan meneruskan perhubungannya dengan semua Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Perhubungan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dan semua Kerajaan Negeri perlu diteruskan untuk memastikan kesinambungan pembangunan sosio-ekonomi negara akan berterusan dan projek yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual dan tidak terjejas.

Kerajaan Persekutuan akan terus melaksanakan tanggungjawabnya kepada semua Kerajaan Negeri sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Projek-projek yang bertujuan menyediakan kemudahan asas kepada rakyat seperti bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan, pendidikan, perumahan awam kos rendah, membasmi kemiskinan, dan keselamatan awam akan diteruskan walaupun di negeri yang tidak ditadbir oleh Barisan Nasional.

Projek-projek yang mempunyai kepentingan nasional dan membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti pelancongan, pembinaan institusi pengajian tinggi, pelabuhan dan lapangan terbang juga akan diteruskan.

Sehubungan itu, semua Kerajaan Negeri perlu memberikan kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan terutamanya dalam mengenal pasti tanah yang sesuai untuk tapak projek serta mempercepatkan proses kelulusan hak milik tanah dan kebenaran merancang supaya semua projek dapat dilaksanakan dengan lancar,

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)
TARIKH : 12.5.2008
SOALAN :**

Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) minta **Menteri Kesihatan** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di hospital Kerajaan termasuk di Hospital Daerah Serian.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan, beberapa langkah telah diambil. Langkah-langkah tersebut adalah :

- i) melantik semula secara automatik pegawai perubatan yang telah bersara wajib khususnya pakar perubatan untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dengan syarat

- mereka mempunyai rekod dan prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan kesihatan yang baik;
- ii) meneruskan syarat perkhidmatan wajib selama tiga tahun kepada pegawai perubatan;
 - iii) menggunakan khidmat pegawai perubatan swasta untuk bertugas di hospital-hospital Kerajaan secara *sessional*;
 - iv) bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menambah kuota pengambilan mahasiswa dalam bidang perubatan;
 - v) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang ke negara ini untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan di hospital-hospital Kerajaan;
 - vi) mengambil pegawai perubatan bukan warganegara secara kontrak;
 - vii) menambahbaik terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai perubatan dengan mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik;

- viii) memperkenalkan *Locum* dan *Full Paying Patients* serta elaun-elaun dan insentif yang lebih menarik kepada pegawai perubatan.

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dalam sistem penyampaian kesihatan di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian masih menghadapi kekurangan anggota kesihatan termasuk pegawai perubatan. Secara umumnya bilangan kekosongan jawatan Pegawai Perubatan di Sarawak adalah sebanyak 67 peratus.

Bagi mengatasi kekurangan pegawai perubatan di tempat-tempat yang terpencil, Kementerian akan sentiasa menambah bilangan *flying squad service* dari semasa ke semasa mengikut keperluan supaya rakyat di kawasan pedalaman dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TING HIM

TARIKH : 12.05.2008

NOMBOR FAIL : 861

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan sedia mengurangkan bayaran Pasport Malaysia demi meringankan bebanan rakyat jelata. Jika tidak apakah sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kota Melaka kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan atau mengurangkan bayaran yang dikenakan untuk memiliki pasport. Ini adalah kerana bayaran pasport yang dikenakan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) Pasport Malaysia Antarabangsa merupakan dokumen perjalanan yang sangat penting dan amat berharga;
- (ii) Penyediaan perkhidmatan proses permohonan dan pengeluaran pasport yang efisien dan pantas mengambil masa lebih kurang 2 jam di semua pejabat pengeluar pasport di seluruh negara;
- (iii) Pasport Malaysia Antarabangsa dilengkapi cip keselamatan bermutu tinggi bertujuan untuk memelihara identiti pemilik pasport;
- (iv) Laminat keselamatan pasport yang bermutu tinggi dan sukar untuk dipalsukan; dan
- (v) Perkhidmatan tambahan atau '*value added*' yang menggunakan teknologi tinggi disediakan seperti '*autogate*' dan kiosk pembaharuan pasport memberi kemudahan dalam permohonan pasport.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI]**

TARIKH : 12 MEI 2008

RUJUKAN : 862

SOALAN : 49

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah di kalangan para remaja bagi setiap negeri bagi tahun 2005 sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes jenayah yang melibatkan remaja bagi tahun 2005 adalah sebanyak 59 kes (Perlis), 431 kes (Kedah), 303 kes (Pulau Pinang), 336 kes (Perak), 251 kes (Kuala Lumpur), 516 kes (Selangor), 177 kes (Negeri Sembilan), 125 kes (Melaka), 248 kes (Johor), 341 kes (Kelantan), 345 kes (Terengganu), 196 kes (Pahang), 286 kes (Sabah) dan 322 kes (Sarawak).

Bagi tahun 2006, sebanyak 65 kes (Perlis), 462 kes (Kedah), 219 kes (Pulau Pinang), 399 kes (Perak), 422 kes (Kuala Lumpur), 730 kes (Selangor), 369 kes (Negeri Sembilan), 145 kes (Melaka), 323 kes (Johor), 349 kes (Kelantan), 335 kes (Terengganu), 282 kes (Pahang), 360 kes (Sabah) dan 547 kes (Sarawak).

Bagi tahun 2007, sebanyak 96 kes (Perlis), 496 kes (Kedah), 165 kes (Pulau Pinang), 471 kes (Perak), 494 kes (Kuala Lumpur), 1107 kes (Selangor), 242 kes (Negeri Sembilan), 96 kes (Melaka), 321 kes (Johor), 435 kes (Kelantan), 273 kes (Terengganu), 246 kes (Pahang), 312 kes (Sabah) dan 348 kes (Sarawak).

Sehingga Mac 2008, sebanyak 26 kes (Perlis), 128 kes (Kedah), 84 kes (Pulau Pinang), 58 kes (Perak), 100 kes (Kuala Lumpur), 240 kes (Selangor), 58 kes (Negeri Sembilan), 39 kes (Melaka), 86 kes (Johor), 102 kes (Kelantan), 68 kes (Terengganu), 58 kes (Pahang), 80 kes (Sabah) dan 90 kes (Sarawak).

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan seperti meningkatkan kehadiran anggota polis di kawasan-kawasan yang dikenal pasti dengan penambahan keanggotaan dan memperbanyakkan rondaan; meletakkan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu; memperluaskan kerjasama dengan agensi lain serta badan-badan berkanun seperti NGO dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia dalam mengadakan kempen-kempen pencegahan, operasi bersepadu dan modul-modul pemulihan yang efektif serta menggiatkan program-program kesedaran dan pencegahan bersama masyarakat melalui program Rakan Cop dan Rukun Tetangga, melalui ceramah-ceramah, kempen-kempen menerusi media massa serta program-program kadet sekolah dan Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS) di institusi-institusi pengajian tinggi awam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)
TARIKH : 12.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah pelaksanaan kenyataan Perdana Menteri bahawa Kerajaan akan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Matematik dan Sains.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan penilaian pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) secara menyeluruh yang melibatkan semua sekolah dan guru PPSMI di seluruh negara. Penilaian ini dibuat sebanyak dua kali setahun untuk melihat tahap pelaksanaan, pencapaian dan kemajuan secara berkala. Pada masa ini penilaian PPSMI 2008 Fasa 1 sedang dilaksanakan dan dapatan penilaian tersebut akan diperolehi pada bulan Jun 2008.

Penilaian PPSMI 2008 Fasa 2 akan dijalankan bermula Julai dan dapatan penilaian Fasa 2 akan diperolehi pada bulan November 2008. Penilaian ini, serta gabungan dapatan dengan beberapa kajian lain, akan dapat memberi gambaran tentang tahap pelaksanaan di setiap sekolah, pencapaian murid, serta kesediaan dan kemajuan setiap guru PPSMI.

KPM juga akan membuat penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI secara menyeluruh khususnya bagi kohort Tahun 6 yang mengambil UPSR tahun ini (2008) kerana kohort ini telah mengikuti PPSMI selama 6 tahun iaitu mulai dari Tahun 1 (2003). Dapatan penilaian ini akan digunakan untuk KPM membuat keputusan berkaitan pelaksanaan PPSMI sama ada diteruskan atau membuat penambahbaikan demi untuk memantapkan lagi dasar ini.

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD
TAIB (BALING)**

TARIKH : 12. 5. 2008

SOALAN:

- a) Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan semua Kementerian, Jabatan dan Pejabat Kerajaan Persekutuan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka selari dengan tuntutan Islam supaya Islam dapat dilihat dan dirasai tertegak di dalam pentadbiran mereka.

JAWAPAN

Bagi memastikan semua kementerian dan jabatan melaksanakan tanggungjawab mereka selari dengan tuntutan Islam, maka pada tahun 1985 kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Sektor Perkhidmatan Awam. Pada tahun 2004 pula kerajaan telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN). Modul khas PIN untuk kakitangan awam iaitu Modul Pelan Integriti Kakitangan Awam (PIPA) telah digubal oleh JAKIM dan lancarkan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara pada 19 Disember 2005. Pada tahun 2005 juga Pendekatan Islam Hadhari telah diperkenalkan sebagai kesinambungan dan pengukuhan kepada dasar-dasar yang telah diperkenalkan sebelumnya.

Sebagai langkah meningkatkan lagi tanggungjawab Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat persekutuan bagi melaksanakan tanggungjawab mereka

selari dengan tuntutan Islam, maka kini terdapat seramai 2180 orang Pegawai Hal Ehwal Islam telah ditempatkan untuk mengisi jawatan di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seluruh Malaysia.

Berdasarkan langkah kerajaan seperti dinyatakan di atas maka jelaslah bahawa komitmen kerajaan untuk memastikan nilai-nilai Islam dihayati dalam pentadbiran kerajaan bukanlah hanya sekadar retorik semata-mata tetapi hanya dilaksanakan dengan sistematik. Inilah suatu usaha yang sangat baik telah dibuktikan oleh kerajaan.

NO: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan

**DARIPADA : Tuan Alexander Nanta Linggi
[Kapit]**

TARIKH : 12 Mei 2008 (Isnin)

SOALAN : 61 52

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan strategi-strategi baru yang diperlukan bagi mempertingkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan laut di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk mempertingkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan di Malaysia, Kerajaan telah/sedang mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- a) mengamalkan konsep *supply driven* di mana kemudahan-kemudahan pelabuhan (seperti dermaga) di sediakan dahulu dan sedia digunakan. Ini adalah disebabkan dalam dunia perkapalan yang kompetitif, tempoh persinggahan kapal adalah singkat dan segala kelewatan mendapatkan dermaga di satu-satu pelabuhan akan menjejaskan jadual pelayaran kapal serta membawa kos implikasi kepada kapal;
- b) memperdalamkan air di kawasan perairan pelabuhan supaya mampu menampung kemasukan kapal yang kian besar;
- c) menggalakkan perkembangan perkhidmatan sokongan (*ancillary services*) seperti bekalan makanan air tawar, *bunkering*, baik pulih kapal dan sebagainya yang mampu menarik lebih banyak kapal
- d) mempertingkatkan penggunaan sistem teknologi maklumat di pelabuhan ke semua pelabuhan;

- e) menggiatkan lagi usaha promosi dan pemasaran pelabuhan;
- f) penambahbaikan perkhidmatan dan sistem penyampaian di kalangan agensi-agensi yang berkaitan; dan
- g) membina jaringan antarabangsa dengan menjalinkan hubungan serta kerjasama dengan pelabuhan luar negara dan syarikat perkapalan antarabangsa melalui *smart partnership*, di mana syarikat perkapalan antarabangsa dan pelabuhan luar negara mempunyai ekuiti ke dalam syarikat operator pelabuhan tempatan.

**INPUT BAGI JAWAB LISAN BAGI SOALAN YANG DITUJUKAN
KEPADA YB MENTERI LUAR NEGERI DARIPADA YB PULAI**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai]**

TARIKH : **12 Mei 2008**

SOALAN : **53.**
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap keputusan Iran untuk meneruskan pembangunan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan dan adakah Malaysia menyokong tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyerang Iran sekiranya Iran ingkar memberhentikan program nuklear mereka .

Malaysia berpandangan bahawa Iran, seperti mana negara-negara berdaulat yang lain, mempunyai hak mutlak untuk membangunkan teknologi nuklear untuk tujuan keamanan. Namun dalam hal ini,

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) mempunyai peranan dalam aktiviti-aktiviti penentusahan dan kawalgunaan program nuklear. Justeru, IAEA harus diberi peluang untuk menjalankan kerja-kerja penentusahan dan kawalgunaan bahawa program nuklear di Iran adalah untuk tujuan keamanan. Dalam hal ini juga, Malaysia berpandangan satu-satunya kaedah untuk mencapai penyelesaian yang adil, berkekalan dan diterima oleh semua pihak.

2. Berhubung dengan persoalan sama ada Malaysia akan menyokong tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyerang Iran sekiranya Iran ingkar, Malaysia berpendirian tegas bahawa persoalan yang membabitkan penggunaan kekerasan (*use of force*) perlu mendapat mandat daripada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ia tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya oleh mana-mana negara, apatah lagi jika dilakukan secara unilateral. Sebarang tindakan unilateral adalah dianggap sebagai bertentangan dengan multilateralisme dan membelakangkan norma-norma antarabangsa. Malaysia khawatir sebarang tindakan unilateral ke atas Iran akan mengeruhkan lagi situasi di rantau Asia Barat yang kini terus bergolak.

SOALAN NO:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI]
TARIKH : 12 MEI 2008
RUJUKAN : 863

Soalan: 54

Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah permit yang dikeluarkan untuk membawa masuk pekerja asing ke dalam negara dan berapa ramaikah yang ditahan di kem-kem tahanan di satu-satu masa dan kos menanggung mereka ini setiap sebulan; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang menghantar mereka pulang tanpa menunggu perbicaraan melainkan yang melibatkan kes jenayah.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 12.5.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Langkawi yang mengemukakan pertanyaan.

Menjawab persoalan (a), Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2008, sejumlah **2,122,930** Permit Kerja iaitu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) telah dikeluarkan kepada pekerja asing untuk bekerja secara sah di Malaysia. Jumlah warga asing yang ditahan di Kem atau Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara pula adalah seramai **7,087 orang** dengan majoritinya adalah daripada Negara Indonesia iaitu **2,596 orang**. Kerajaan membelanjakan sekitar **RM8.1 juta sebulan** untuk menanggung kos pengurusan dan makan minum warga asing yang ditahan.

Untuk soalan (b) pula, Kerajaan sememangnya mengambil tindakan tegas terhadap warga asing yang didapati bersalah atas kesalahan-kesalahan Imigresen walaupun tidak melakukan jenayah. Kesalahan yang kerap dilakukan adalah seperti berada di negara ini tanpa permit yang sah, tinggal lebih masa, memiliki dokumen perjalanan palsu dan menyalahgunakan pas lawatan untuk aktiviti yang tidak dibenarkan. Ini boleh meningkatkan jumlah Pendatang Asing Tanpa izin (PATI) dan mengundang risiko terhadap keselamatan negara jika

ianya tidak dibanteras. Untuk itu, Kerajaan telah mewujudkan Mahkamah Khas PATI pada tahun 2006 bagi membicarakan pendatang asing ini mengikut kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Imigresen, Akta Pasport dan Peraturan-peraturan Imigresen. Hukuman yang dikenakan adalah seperti penjara, sebatan, denda dan perintah usir bagi memastikan warga asing yang dihukum tidak mengulangi kesalahan mereka sekaligus menjadi pengajaran kepada individu lain. Sekiranya Kerajaan hanya bertindak menghantar pulang pendatang asing yang ditangkap tanpa dibicarakan, mereka akan mengambil kesempatan ini untuk menyusup masuk kembali ke Malaysia dan beranggapan tidak mengapa jika tertangkap, kerana tiada tindakan undang-undang dikenakan terhadap mereka selain daripada dihantar pulang ke negara asal.

SOALANNO: 55

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 12.05.2008

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) jumlah statistik subsidi minyak dari tahun lalu hingga kini; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan harga minyak pada tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas petrol, diesel dan gas memasak (LPG) dari tahun 2000 sehingga 2007 adalah sebanyak RM37.4 bilion, jumlah ini tidak termasuk kehilangan hasil cukai sebanyak RM48.8 bilion. Bagi tahun 2006, jumlah subsidi bagi petrol, diesel dan LPG adalah RM7.3 bilion, bagi tahun 2007 pula adalah sebanyak RM8.7 bilion dan unjuran bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM18.31 bilion.

2. Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sedang mengkaji mekanisma pemberian subsidi bertujuan untuk memastikan golongan yang berhak sahaja menikmati subsidi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB. DATUK ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.05.2008

Y.B Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh (Kalabakan) meminta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan sedar bahawa di negeri Sabah banyak syarikat pengimport kereta yang mengimport kenderaan yang berbagai-bagai jenis dan kelas khususnya kenderaan mewah secara haram dan kebanyakannya diisytiharkan sebagai kereta terpakai walaupun ia kenderaan baru; dan
- (b) jika sedar, bolehkah Kementerian membekalkan senarai syarikat yang sudah diambil tindakan dan berapa pula yang masih menunggu diambil tindakan dan adakah tindakan akan diambil terhadap pengimport.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, rekod dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia menunjukkan tiada pengimportan kereta

baru/terpakai dilakukan melalui mana-mana pelabuhan Kastam di Sabah. Pengimportan kereta baru/terpakai ke Sabah adalah hanya melalui Pelabuhan Klang.

Pengimportan kereta terpakai ke Sabah menggunakan permit import (AP) bagi kenderaan terpakai yang berusia antara 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun. Bagi tempoh 2006 sehingga Mac 2008, sebanyak 3,658 buah kereta terpakai telah diimport ke Sabah. Bagi pengimportan kereta terpakai, pihak Kastam akan memastikan kesahihan AP berkenaan di samping pemeriksaan fizikal ke atas kenderaan sebelum pelepasan daripada kawalan kastam dilakukan.

Semenjak 2006 sehingga kini, terdapat 2 syarikat yang dikenakan tindakan membabitkan 3 kes penipuan kenderaan import terpakai di mana ketiga-tiga kes penipuan ini melibatkan penipuan usia kereta terpakai. Pihak Jabatan telah mengenakan kompaun RM1,000-RM5,000 berdasarkan kes di samping kutipan semula duti sebanyak RM18,300.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]

TARIKH : 12.05.2008

SOALAN : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara khusus apakah hasil yang diperolehi oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Integriti yang dibentuk dalam Parlimen yang lalu, bilakah jawatankuasa tersebut akan mengemukakan laporannya, adakah jawatankuasa ini telah melaksanakan tugas-tugas mereka mengikut terma rujukan yang dipersetujui di dalam Dewan ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Integriti telah ditubuhkan melalui satu ketetapan Dewan pada 8 Disember 2005 berkuat kuasa selama dua tahun sehingga 7 Disember 2007. Menyedari bahawa terlalu banyak maklumat yang diperolehi dan perlu ditimbangkan, Majlis telah pun memanjangkan tempoh kuat kuasa Jawatankuasa tersebut sehingga selewat-lewatnya dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Kesebelas melalui satu ketetapan usul yang diputuskan pada 6 Disember 2007. Ketetapan ini dibuat bagi memberi Jawatankuasa lebih banyak masa bagi mendapatkan maklum balas berkenaan isu-isu yang dibangkitkan serta menimbangkannya sebelum apa-apa syor dapat dibuat.

Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat mensyaratkan bahawa apa-apa keterangan atau maklumat yang diperoleh oleh jawatankuasa tidak boleh disiarkan oleh siapa-siapa ahli Jawatankuasa itu, atau oleh siapa-siapa jua sebelum Jawatankuasa itu membawa penyata itu kepada Majlis. Dalam hal ini, kerajaan juga tidak mempunyai apa-apa pengetahuan khusus berkenaan hasil penemuan jawatankuasa berkenaan memandangkan kerajaan telah memberikan kepercayaan penuh kepada Jawatankuasa berkenaan untuk menjalankan tugasnya tanpa sebarang "interference". Walau bagaimanapun, daripada apa yang boleh didapati dari laporan media-media tempatan, antara isu yang dikemukakan oleh orang awam semasa sesi pendengaran awam yang dijalankan adalah seperti isu PBT, keselamatan, rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, sistem penyampaian perkhidmatan awam, agama, sistem kehakiman, ekonomi dan lain.

Pembubaran Parlimen pada 13 Februari 2008 yang lalu telah menyebabkan terbubaranya Jawatankuasa ini serta fungsinya. Selain daripada itu, beberapa ahli jawatankuasa yang asal telah tidak terpilih sebagai ahli Dewan Rakyat pada Parlimen kali ini. Oleh yang demikian, kerajaan kini sedang dalam pertimbangan untuk menghidupkan semula jawatankuasa ini sebagai meneruskan tugas-tugas yang telah diberi mandat oleh Majlis Mesyuarat sebelum ini dan diharapkan akan mendapat sokongan oleh Majlis Mesyuarat Parlimen kali ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN
HAJI ABD. MUTTALIB
(MARAN)

TARIKH : 12 MEI 2008

RUJUKAN : 857

Y.B. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat asing sehingga kini masih berada di negara kita di mana mereka memohon taraf kerakyatan negara dan berapa ramaikah pula rakyat negara kita yang mempunyai dua kerakyatan serta apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Maran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan dan penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan di Bahagian 3 dan Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Bagi permohonan taraf ini hanya orang-orang asing yang layak sahaja yang diberikan kebenaran untuk mengemukakan permohonan. Sehingga Mac 2008 sebanyak 15,435 permohonan kewarganegaraan daripada orang-orang asing yang sedang diproses oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara.

Sehingga 30 Mac 2008 seramai 5,323 orang rakyat Malaysia yang telah dikesan memiliki dua taraf kerakyatan iaitu selain dari taraf kerakyatan Malaysia mereka juga memiliki taraf kewarganegaraan lain-lain negara. Tindakan yang diambil terhadap mereka adalah seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan ialah dengan melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Dengan tindakan perlucutan ini maka segala hak dan kemudahan sebagai warganegara juga akan terlucut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)
NO. PERTANYAAN : NO. ~~58~~ 59

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilakah kampus cawangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dibina di kawasan pedalaman selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan pedalaman sebagai Hab Pendidikan seperti yang terkandung dalam pelan Koridor Pembangunan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja. Oleh yang demikian, Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPTA yang sedia ada adalah mencukupi pada masa ini untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara.

Sehubungan itu, Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk membina IPTA di pedalaman Sabah memandangkan kini Sabah telah mempunyai Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kota Kinabalu, UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Menggatal, Politeknik di Kota Kinabalu dan Kolej Komuniti di Tawau. Kementerian percaya bahawa IPTA yang sedia ada di Sabah mampu memberikan pendidikan tinggi yang secukupnya kepada pelajar Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakan kabinet memutuskan projek Government Integrated Radio Network (GIRN) ditawarkan kepada Sapura dengan kos yang melebihi RM5 billion memandangkan harga yang ditawarkan oleh syarikat lain jauh lebih rendah daripada RM5 billion. Kenapakah Kerajaan tidak mengambilkira bantahan daripada beberapa agensi Kerajaan termasuk PDRM dalam kes ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian Penswastaaan GIRN telah ditandatangani pada 4 Januari 2007 dengan Kos projek yang dianggarkan sebanyak RM 2.7 billion. Jumlah tersebut adalah termasuk kos sewaan rangkaian sebanyak RM1,833 juta dan RM 956.1 juta kos penyenggaraan bagi 5 tahun pertama untuk tempoh konsesi selama 20 tahun.

Tawaran yang dikemukakan kepada Sapura adalah berdasarkan keperluan teknikal kesemua agensi yang terlibat yang meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Liputan ke seluruh negara kerana ianya penting bagi operasi agensi;
- ii. Autonomi bagi agensi yang mana setiap agensi dapat mengendalikan kumpulan pengguna masing-masing melalui pengurusan dan pusat *despatch* agensi masing-masing;
- iii. Jaminan ke atas *network availability* kerana ia penting bagi memastikan operasi berjalan lancar;

- iv. Ciri keselamatan yang tinggi seperti *user authentication*, *air interface encryption* dan *end-to-end encryption* bagi menjamin keselamatan suara dan data dari diintip oleh pihak ketiga;
- v. Akses ke atas pengkalan data secara *real-time*;
- vi. Penggabungan suara dan data iaitu suara dan data disampaikan menerusi alat/terminal yang sama;
- vii. Kerjasama di antara agensi (*Interoperability Operation*) dapat dilaksanakan di mana dalam keadaan tersebut, operasi yang dijalankan secara bersepadu dapat dirancang dan semasa menangani kecemasan pasukan keselamatan yang terlibat dapat dihubungi dengan segera; dan
- viii. Keperluan Malaysia untuk mempunyai kepakaran teknikal bagi menjamin kualiti perkhidmatan dan persediaan alat ganti.

Bantahan yang dikemukakan oleh PDRM terhadap Projek GIRN ialah mengenai aspek keserasian (*compatibility*) peralatan PDRM yang menggunakan teknologi digital APCO P25 dengan teknologi TETRA di bawah Projek GIRN. Sekiranya teknologi yang diguna pakai tidak mempunyai *backward compatibility* dengan peralatan komunikasi radio PDRM sedia ada, ia akan menjadi pembaziran kerana peralatan PDRM tersebut belum mencapai 5 tahun.

Walau bagaimanapun, sebelum projek ini diluluskan oleh Kerajaan pada 6 Disember 2006, pihak PDRM telahpun menandatangani spesifikasi teknikal projek serta memberikan persetujuan untuk menggunakan GIRN yang akan dilaksanakan oleh Sapura. Pelaksanaan projek ini telah mengambilkira pandangan daripada PDRM semasa Jemaah Menteri memutuskan projek ini.

SOALAN NO. 61**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH
TARIKH : 12.05.2008 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk mematuhi sepenuhnya AFTA untuk kereta; dan nyatakan amoun yang dibayar oleh Kerajaan bagi setiap tahun sebagai penalti kerana tidak mematuhi AFTA untuk kereta sebelum ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memenuhi komitmen Malaysia untuk memansuhkan duti import bagi Kenderaan Automotif Siap Dipasang (*Completely Built-up Unit*) dan Kenderaan Automotif Terurai (*Completely Knock Down*) di bawah Skim Keutamaan Tarif Sama Rata (*Common Effective Preferential Tariff - CEPT*) bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (*ASEAN Free Trade Area-AFTA*).

2. Produk-produk Kenderaan Automotif Siap Dipasang dan Kenderaan Automotif Terurai bagi Malaysia sepatutnya dimasukkan ke dalam Skim

CEPT mulai 1 Januari 2000 pada kadar tarif 20 peratus dan dikurangkan kepada kosong hingga lima peratus mulai 1 Januari 2002.

3. Namun demikian, berikutan krisis kewangan 1997, Malaysia telah memohon kelonggaran selama lima tahun daripada Negara-negara ASEAN untuk memasukkan Kenderaan Automotif Slap Dipasang dan Kenderaan Automotif Terurai ke dalam Skim CEPT bagi AFTA.

4. Memandangkan persetujuan telah diperolehi daripada Negara-negara ASEAN bagi kelonggaran memasukkan produk-produk tersebut, maka Malaysia tidak perlu membayar sebarang penalti atau pampasan.

5. Malaysia telah memasukkan Kenderaan Automotif Slap Dipasang dengan kadar duti dua puluh peratus (20%) dan Kenderaan Automotif Terurai dengan kadar sifar duti (0%) ke dalam CEPT bagi AFTA pada 29 Disember 2004. Seterusnya duti import ke atas Kenderaan Automotif Slap Dipasang telah diturunkan ke lima peratus (5%) pada Mac 2006. Duti ini akan dihapuskan pada 1 Januari 2010 mengikut komitmen Negara-negara ASEAN dalam Skim CEPT bagi AFTA.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN
(PAPAR)**

TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)

**SOALAN : PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN
(PAPAR) . minta . MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

Statistik penyertaan belia Sabah dalam program Belia Tani setakat ini, kejayaan program ini dan peranan FAMA Corporation Sdn. Bhd (Famaco) dalam memasarkan produk pertanian belia ke luar negara.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui Jabatan Pertanian mensasarkan latihan kepada 600 orang pengusaha dalam pengeluaran pertanian dan sehingga kini telah melatih seramai 387 belia/beliawanis, petani dan individu dalam bidang pertanian dengan menggunakan pendekatan bersepadu dan komersil di bawah Program Keusahawanan Bersepadu.

Selain daripada itu, di bawah Projek Pelbagaian Peningkatan Pendapatan Petani yang bertujuan menyokong aktiviti pembangunan usahawan dalam industri asas tani juga telah disasarkan penglibatan seramai 50 belia dalam tempoh RMK-9 dan seramai 16 belia telah menjalankan projek pertanian dan pemprosesan makanan.

FAMACO, anak syarikat milik penuh FAMA berperanan membantu FAMA untuk memasarkan semua produk pertanian yang berpotensi ke luar negara termasuk produk pertanian keluaran projek belia di seluruh negara yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Usahawan berada dalam kategori *export ready* dari segi jenis produk, bekalan dan keupayaan kewangan; dan
- ii. Produk-produk memenuhi syarat-syarat perdagangan negara pengimport;

Beberapa insentif disediakan oleh FAMA pada pengeksport/usahawan seperti berikut:

- i. Ruang pameran percuma.

- ii. Binaan *booth* pameran percuma.
- iii. Hantaran produk sample.
- iv. Khidmat penterjemah (promoter) percuma.
- v. *Business Matching* dengan pengimport.
- vi. Maklumat pasaran dan eksport percuma.

Bagi belia yang tidak mampu untuk mengeksport sendiri tetapi memenuhi prosedur dan syarat-syarat pengeksportan boleh mengadakan kontrak bekalan dengan FAMACO.

Manakala bagi produk-produk keluaran belia yang tidak memenuhi kualiti untuk eksport, pihak FAMA boleh membantu dalam pengaturan pasaran tempatan melalui jualan di outlet-outlet peruncitan seperti pasar tani, gerai buah-buahan bimbingan FAMA dan Agrobazaar yang ada di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BT MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]
TARIKH : 12 MEI 2008 (ISNIN)
SOALAN : 76

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap apa yang disebut sebagai 5 Tuntutan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Sila jelaskan juga kesemua tuntutan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

CUEPACS telah mengemukakan lima tuntutan seperti berikut:

- i) Bayaran Honorarium sebanyak RM2000 untuk semua kakitangan awam;
 - ii) Pemansuhan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK);
 - iii) Pembayaran Pencen Mengikut Kadar Sebenar Perkhidmatan;
 - iv) Pelanjutan Umur Persaraan daripada 56 tahun kepada 60 tahun;
- dan

NO. SOALAN:

- v) Penyemakan semula kadar Imbuhan Tetap Perumahan dan Kumpulan Sokongan serta memberi semula Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (Ketukangan).

Pada dasarnya, Kerajaan sedang mengkaji asas kelima-lima tuntutan tersebut termasuk implikasi kewangan dan perkhidmatan. Kerajaan telah berbincang dengan pihak CUEPACS dan akan mengumumkan keputusan yang telah dicapai pada masa yang bersesuaian.

SULIT

NO SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menentukan sebab-sebab kemerosotan kedudukan Malaysia daripada kedudukan ke 23 Indeks Persepsi Rasuah Transparency International 1995 ke kedudukan ke-44 dan ke 43 masing-masing pada tahun 2006 dan 2007.

SULIT

JAWAPAN

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menentukan sebab-sebab kemerosotan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency international. Malah, Kerajaan berpendapat bahawa tumpuan Ahli Yang Berhormat terhadap kedudukan atau 'ranking' (dengan izin) Malaysia dalam Indeks Persepsi tersebut jelas menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat sendiri kurang memahami cara untuk menghayati Indeks ini.

Seperti mana yang dijelaskan oleh pihak Transparency International sendiri, trend penambahbaikan atau kemerosotan persepsi dalam Indeks Persepsi Rasuah tidak boleh dilihat daripada 'ranking' sesuatu negara dari tahun ke tahun. Ini adalah kerana jumlah negara yang mengambil bahagian dalam Indeks tersebut berbeza dari tahun ke tahun. Umpamanya, pada tahun 1995, sebanyak 41 buah negara telah mengambil bahagian dalam Indeks tersebut. Pada tahun 2006 jumlah tersebut telah meningkat kepada 163 buah negara, dan pada tahun 2007 ia telah meningkat lagi kepada 179 buah negara.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, satu petunjuk yang lebih tepat untuk menunjukkan trend prestasi sesebuah negara dalam Indeks tersebut adalah skor negara. Skor Malaysia sejak tahun 1995 berada pada sekitar 5 mata, iaitu satu prestasi yang baik dan stabil. Malah, jika dikira dari segi peratusan atau 'percentile' dalam

kedudukan negara-negara yang diteliti, prestasi negara sebenarnya telah bertambah baik. Dari kedudukan pada tahap 56.1 peratus dalam senarai negara yang diteliti pada tahun 1996, kedudukan negara telah meningkat kepada tahap 26.9 peratus dalam senarai pada tahun 2008 dan 24 peratus dalam senarai pada tahun 2007. Ini bermakna bahawa Malaysia adalah lebih baik daripada 76 peratus negara dalam senarai Indeks Persepsi Rasuah Transparency International pada tahun 2007, iaitu satu peningkatan daripada tahun 2006 (73.1 peratus) dan tahun 1995 (43.9 peratus).

Sesungguhnya, Kerajaan berpendapat bahawa walaupun persepsi orang ramai mengenai rasuah harus diambil kira, namun apa yang penting adalah usaha-usaha substantif untuk membanteras rasuah dan menegakkan integriti di kalangan rakyat. Selaras dengan itu, kerajaan telah pun, dan akan terus, mengambil beberapa langkah-langkah positif ke arah matlamat tersebut, demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Maklumat tambahan:

Baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan 4 langkah untuk memperhebatkan usaha pencegahan rasuah di negara ini dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi anti-rasuah Negara. Ini termasuk penambahbaikan dan penstrukturan semula Badan Pencegah Rasuah kepada sebuah Suruhanjaya; peningkatan kapasiti pegawai anti-rasuah; pewujudan undang-undang komprehensif untuk melindungi saksi-saksi dan si pemberi maklumat (whistle-blower); dan penambahbaikan sistem perolehan awam (public procurement) (dengan izin).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)
TARIKH : 12.5.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status pelaksanaan pembinaan Sekolah Menengah Sukau, Sekolah Menengah Kebangsaan Paris, Sekolah Menengah Kebangsaan Entilibon, Tongod dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tongod di Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keempat-empat buah sekolah tersebut telah tersenarai dalam Rancangan Malaysia ke-9. Bagi tiga buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Entilibon, Sekolah Menengah Kebangsaan Paris dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sukau, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada masa ini dalam proses membuat perolehan tapak bagi projek tersebut. Pelaksanaan fizikal bagi ketiga-tiga projek dijangka dapat dibina pada tahun 2009 tertakluk kepada kecukupan peruntukan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan ketiga-tiga projek ini tidak begitu mendesak keperluannya kerana sekolah-sekolah berdekatan sedia ada masih mampu untuk menampung bilangan murid. Pada masa ini KPM sedang

menghadapi masalah kekangan siling peruntukan kerana kenaikan kos pelaksanaan projek yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan yang tinggi seperti besi, simen dan tembaga dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Manakala bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Tongod pula, projek tersebut sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Julai 2009 serta akan mula beroperasi pada bulan September 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR MOHD PUAD B. ZARKASHI
TARIKH : 12 MEI 2008

Soalan :

DR MOHD PUAD B. ZARKASHI minta KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan apakah Bank SME, Bank Rakyat dan Bank Pertanian berjaya membantu usahawan dan syarikat IKS Bumiputera sedangkan bank itu berusaha menjadi bank komersil.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,


Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SME Bank dan Bank Rakyat merupakan dua buah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) manakala Bank Pertanian atau Bank Agro (Agro Bank) di bawah Kementerian Kewangan yang banyak membantu usahawan dan syarikat IKS Bumiputera. Ketiga-tiga bank tersebut adalah bank-bank pembangunan dan bukannya bank komersil.

SME Bank mempunyai dana-dana seperti Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Dana Usahawan Negeri Terengganu (DUNT) dan lain-lain lagi yang disediakan untuk para usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Selain daripada dana-dana pembiayaan kepada para pengusaha IKS


bumiputera, SME Bank juga mempunyai khidmat sokongan dalam bentuk aktiviti-aktiviti pembangunan usahawan khusus seperti latihan keusahawanan, program-program keusahawanan khas seperti Skim Kilang SME Bank (SKB), Program Inkubator Usahawan Siswazah (PIUS), Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Program Mentor, Program Sangkut dan lain-lain lagi. Sehingga Disember 2007, SME Bank telah meluluskan 1,622 pinjaman bernilai RM 3.05 bilion. Bagi RMKe-9, SME Bank telah meluluskan 3090 pinjaman bernilai lebih RM 5.0 billion.

Pada tempoh 2004 – 2007, Bank Rakyat telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM 2.2 billion kepada 42,000 usahawan dan koperasi. Jumlah pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana ialah sebanyak RM 371,946,000.86 sehingga Disember 2007. Industri pembinaan merupakan industri yang menerima kelulusan pembiayaan tertinggi iaitu sebanyak RM 266,150,000.96.

Disediakan oleh

: 
.....
Najwa A. Rasid
PP (PN) 6

Disemak oleh

: 
.....
Mohamed Najid bin Awang
KPP (PM) 3

Diluluskan oleh

: 
.....
Dato' Musa bin Muhammad
KSU

SOALAN NO. 67

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN ZULKIFLI B. NOORDIN

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

Y.B Tuan Zulkifli bin Noordin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) Apakah langkah yang diambil bagi penyeragaman undang-undang penerimaan masuk dan pendaftaran peguam syarie yang buat masa ini berbeza mengikut enakmen negeri masing-masing; dan
- b) Apakah sebuah Majlis Peguam Syarie akan ditubuhkan seperti Majlis Peguam Malaysia.

**JAWAPAN : YB. DATUK SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kerajaan dari masa ke semasa sememangnya memberi perhatian kepada profesion Guaman Syarie demi menjaga mutu pengendalian kes yang secara tidak langsung akan mencerminkan status profesionalisme kepeguaman di Mahkamah Syariah dan memberi gambaran kepada masyarakat tentang kemampuan

pengendalian sistem perundangan Mahkamah Syariah. Berdasarkan undang-undang semasa, setiap negeri mempunyai kuasa melalui peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Mahkamah Syariah iaitu berhubung dengan penubuhan Jawatankuasa Kaedah Peguam Syarie yang bertanggungjawab membuat kaedah-kaedah Guaman Syarie. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah pun mengambil tindakan untuk memperkukuhkan imej dan status kepeguaman syarie agar ianya dihormati melalui Arahan-Arahan Amalan Tahun 2002 yang berhubung dengan "Etika Peguam Syarie",

- b) Usaha-usaha kearah mewujudkan undang-undang yang khusus berhubung dengan profesion Guaman Syarie sememangnya mendapat perhatian dan menjadi salah satu agenda kerajaan dalam memartabatkan kedudukan Mahkamah Syariah dalam arus sistem perundangan dan Kehakiman di Malaysia. Di mana Jawatankuasa Teknikal Syarak dan Sivil JAKIM telah pun menyiapkan Draf Undang-Undang Profesion Guaman Syarie untuk diterimapakai oleh semua negeri-negeri. Draf tersebut telah pun dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan serta perhatian Jabatan tersebut sebelum apa-apa tindakan lanjut dapat diambil. Sehubungan itu juga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah merancang untuk mengadakan Persidangan Peguam Syarie seluruh Malaysia pada 14 Jun 2008 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya. Penyertaan peserta persidangan ini juga terbuka kepada Negara Singapura, Brunei dan Indonesia. Hasil resolusi daripada persidangan ini akan dipanjangkan ke peringkat atasan untuk dipertimbangkan termasuk apa-apa cadangan kepada penubuhan Majlis Peguam Syarie Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kedua-dua program iaitu Pembangunan IKS dan Industri Desa boleh dimanfaatkan bagi menyumbang kepada pembasmian kemiskinan.

JAWAPAN

1. KKLW akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan IKS Industri Desa untuk membasmi kemiskinan di luar bandar khususnya kemiskinan tegar. Projek tersebut dilaksanakan secara berkelompok dan juga secara individu melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan Program Kemajuan Ekonomi Luar Bandar (KELB). Program PPP meliputi bidang berikut :

- i. Perusahaan sumber asas tani;
 - ii. Perusahaan berasaskan perkhidmatan; dan
 - iii. Aktiviti pertanian.
2. Sementara Program KELB dilaksanakan melalui projek berikut:
- i. Latihan / kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang keusahawanan ;
 - ii. Promosi dan Pemasaran produk pengusaha luar bandar untuk berdaya saing ke pasaran tempatan dan luar negara;
 - iii. Menawarkan pembiayaan melalui Skim Pinjaman Ekonomi Desa (SPED) bagi membantu usahawan untuk memula dan meningkatkan lagi perniagaan;
 - iv. Pembinaan Premis Perniagaan di kawasan luar bandar yang disewakan pada kadar yang minimum; dan
 - v. Pelaksanaan Program Pertanian Komersial dan Pelancongan Desa serta Satu Daerah Satu Industri (SDSI) bagi membantu meningkatkan aktiviti ekonomi masyarakat luar bandar.
3. Bagi tahun 2007, Program PPP telah memberi manfaat kepada 2,354 orang golongan termiskin luar bandar sementara Program KELB pula memberi faedah kepada 8,375 orang usahawan luar bandar.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN NORAH BINTI ABD. RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : (12 MEI 2008)

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status bekalan air bersih ke kampung-kampung melalui projek bekalan air luar bandar Kementerian.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM1.114 bilion** bagi program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Daripada jumlah tersebut, negeri-negeri di Semenanjung telah diperuntukkan sebanyak **RM379.33 juta atau 34.05%**, Sabah sebanyak **RM387.92.12 juta atau 34.81%** dan Sarawak sebanyak **RM347.0 juta atau 31.14%**.

Sehingga tahun 2007, status bekal air bersih ke kampung-kampung telah mencapai liputan sebanyak 97% di Semenanjung, 63% di Sabah dan Sarawak sebanyak 62%.

NO. SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)
TARIKH : 12 MEI 2008
SOALAN : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah semua Ahli Parlimen Pembangkang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhak mendapat peruntukan pembangunan kawasan Parlimen bagi kawasan masing-masing memandangkan kekalahan calon-calon BN bagi tempoh 4 tahun akan datang. Jika tidak, bagaimanakah ianya akan disalurkan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' HAJI HASSAN BIN MALEK

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini berserta dengan soalan nombor soalan nombor 64 pada 21 Mei 2008 dan soalan nombor 48 pada 26 Mei 2008 kerana ianya adalah berkaitan perkara yang sama.

Peruntukan kepada kawasan Parlimen ini adalah merupakan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen dan disalurkan kepada semua kawasan Parlimen melalui Pejabat Pembangunan Negeri di negeri masing-masing. Selepas Pilihanraya Umum ke-12 tahun 2008, peruntukan yang disalurkan untuk setiap kawasan Parlimen adalah RM500,000. Semua Y.B. Ahli Parlimen boleh mencadangkan kepada PPN projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan berkenaan. PPN akan mempertimbangkan cadangan tersebut berdasarkan kepada garis panduan dan peraturan-peraturan kewangan yang sedia ada.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Datuk Haji Mohamed bin Hj. Aziz
[Sri Gading]**

TARIKH : 12 Mei 2008

**SOALAN : Datuk Haji Mohamed bin Hj. Aziz [Sri
Gading] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Sejauh mana kejayaan Kementerian dalam
mengubah pemikiran rakyat bahawa
pertanian adalah perniagaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pertanian telah diberikan slogan baru iaitu "Pertanian Adalah Perniagaan" pada tahun 2006. Melalui slogan ini, pendekatan diterapkan untuk merubah petani, penternak dan nelayan menjadi, dengan izin, "*agro-entrepreneurs*". Ini bermakna, aktiviti pertanian hendaklah diusahakan secara komersial mengikut amalan perniagaan di mana sektor ini mampu untuk memberi pulangan yang lumayan.

Pengusaha-pengusaha pertanian pada masa kini perlu melibatkan diri secara aktif di dalam setiap rantaian nilai pengeluaran dan nilai tambah. Ini bermakna mereka bukan sahaja terlibat dalam pengeluaran bahan mentah, tetapi perlu lebih kreatif dalam mewujudkan produk-produk nilai tambah serta mempunyai inisiatif untuk memasarkan produk-produk mereka ke pasaran dalam dan luar negeri.

Oleh yang demikian, para pengusaha pertanian perlu juga diterapkan dengan ciri-ciri sebagai usahawan tulen. Sifat-sifat seperti rajin berusaha, cekal dan kuat bekerja serta mementingkan

kos pengeluaran hendaklah diamalkan. Amalan-amalan tradisional seperti 3T iaitu Tanam, Tinggal dan Tuai perlu ditukar dengan konsep baru iaitu Amalan Pertanian Baik (GAP) yang lebih bersistematik dan ekonomik. Sehubungan itu, pengusaha perlu kreatif dalam mencipta produk-produk baru nilai tambah yang berpotensi untuk dipasarkan. Mereka juga hendaklah sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diceburi memandangkan teknologi dan kaedah pertanian sentiasa berubah.

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan slogan "Pertanian Adalah Perniagaan", Kementerian telah menjalankan promosi melalui "Kempen Pengiklanan dan Komunikasi Bagi Mempromosikan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani". Kempen ini dilaksanakan untuk menaikkan imej pertanian yang sebelumnya hanya dianggap sebagai kerjaya tradisional, kepada sebuah perniagaan yang dinamik dan berteknologi. Kempen ini yang telah bermula pada bulan Julai 2007 meliputi pelbagai media termasuklah TV, radio, media cetak, papan iklan dan media transit. Kempen ini menonjolkan pelbagai komponen pertanian yang sedang berkembang maju iaitu sektor tanaman, ternakan, perikanan dan

industri asas tani termasuklah kisah-kisah usahawan tani yang telah berjaya dan diharapkan dapat memberi inspirasi kepada usahawan lain. Hasil daripada kempen ini, Kementerian mendapati bilangan pengunjung laman web Kementerian, panggilan telefon dan pertanyaan orang ramai di Pusat Pembangunan Perniagaan, Agri Makanan (BDC) telah meningkat secara mendadak dan menyatakan minat untuk menceburi perniagaan dalam sektor pertanian.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini, Kementerian juga sedang giat menjalankan satu lagi program bengkel bergerak dinamakan "Bicara Tani" di seluruh negara bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, minat dan usaha masyarakat terutamanya golongan muda yang ingin menceburi bidang pertanian dan industri asas tani. Program tersebut juga memberikan peluang kepada orang ramai untuk memberi maklum balas kepada Kementerian mengenai hala tuju, dasar, strategi dan pelaksanaan program/projek pembangunan, pendekatan pelaksanaan dan sistem penyampaian (delivery system) yang dipraktikkan dalam menyampaikan khidmat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Sehingga hari ini, program-program "Bicara Tani" yang telah dijalankan, mendapat sambutan yang menggalakkan dari para peserta. Bagi setiap bengkel yang dijalankan, purata peserta adalah melebihi 250 orang yang terdiri daripada para petani, penternak, usahawan, ketua masyarakat/komuniti termasuk graduan.

Tuan Yang Di Pertua,

Proses perubahan persepsi ke atas sektor pertanian adalah satu proses yang tidak mudah untuk dilaksanakan dan ia memerlukan jangka masa yang panjang melalui program-program yang berterusan. Sehingga kini, usaha-usaha yang telah dijalankan, sedikit sebanyak telah berjaya mengubah persepsi tersebut terutamanya golongan sasaran bahawa usaha-usaha pertanian secara aktif akan memberi pulangan yang lumayan. Oleh itu, Kementerian akan terus berusaha untuk merubah persepsi tersebut supaya sektor ini menjadi sektor yang penting bagi menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru terutama dalam bidang pemprosesan makanan dan industri asas tani. menyumbang kepada ekonomi negara.

No. Soalan : 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ISMAIL BIN KASIM (ARAU)
TARIKH : 12 MEI 2008

SOALAN:

Datuk Ismail bin Kasim (Arau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan membantu IKS-IKS Bumiputera meneroka peluang ekonomi baru seperti penyediaan tenaga alternatif, bioteknologi, high-end outsourcing, hab halal yang boleh menjadi batu loncatan pembangunan ekonomi Bumiputera yang lebih baik sejajar dengan usaha kerajaan untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera generasi baru.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sentiasa bertanggungjawab dan berusaha untuk membantu IKS-IKS Bumiputera menceburi sektor-sektor pertumbuhan baru melalui pembukaan peluang-peluang perniagaan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), MECD mensasarkan untuk melahir dan mewujudkan **150,000 peluang-peluang baru** dalam pelbagai bidang ekonomi. Sehingga tahun 2007, MECD telah berjaya mewujudkan sebanyak **67,533 peluang-peluang baru** dan daripada jumlah ini

sebanyak 20,259 peluang-peluang atau 30 peratus menceburi sektor-sektor pertumbuhan baru iaitu agro-perniagaan; minyak, gas dan tenaga; industri automotif; teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); pengangkutan dan logistik; pelancongan dan perjalanan; produk halal; farmaseutikal; aeroangkasa; pendidikan dan sumber manusia; pembinaan; elektrik dan elektronik; dan *distributive trade*.

Dalam usaha mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor-sektor strategik ini, MECD melaksanakan pelbagai strategi dan pendekatan yang berasaskan kepada program-program seperti berikut:-

- i. **Program MECD's Entrepreneur In Strategic and Target Industry (MESTI)** adalah satu model kerjasama dengan pihak swasta di mana pihak swasta Bumiputera yang telah berjaya digalakkan untuk membantu mewujudkan usahawan lain dan bekerjasama sesama sendiri bagi meningkatkan Bumiputera mendapat peluang-peluang perniagaan yang baru. Bermula dari tahun 2005 sehingga kini, sejumlah 31 syarikat Bumiputera telah berjaya didaftarkan dan 25 syarikat telah bergerak aktif dalam program MESTI.
- ii. **Program Technopreneur** yang bertujuan untuk melahirkan usahawan Bumiputera dalam teknologi tinggi. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah memulakan Projek Teknoputra™ pada tahun 2006 melalui kerjasama strategik antara UniKL dengan syarikat-syarikat berkaitan yang berasaskan pendekatan *spin off company*. Sehingga tahun 2007, sebanyak 53 projek Teknoputra telah dikenalpasti dan berpotensi untuk membangunkan seramai 445 orang tekno-usahawan dari kalangan pelajar, graduan, wargakerja universiti dan rakan kerjasama serta usahawan luar.

- iii. **Program Bioteknologi** pula diperluas kepada bidang hortikultur supaya berkembang dan dikomersilkan bagi membuka peluang pemiagaan kepada usahawan Bumiputera. Sebagai contoh pada tahun 2006, MECD telah bekerjasama dengan Hexagon Green Sdn. Bhd. telah berjaya membangunkan seramai 20 usahawan Bumiputera dalam bidang bioteknologi tanaman orkid.
- iv. **Program Rantalan Nilai** adalah untuk mewujudkan usahawan-usahawan Bumiputera dan koperasi dalam setiap peringkat rantalan nilai pemiagaan terutamanya dibidang-bidang baru yang masih belum dikuasai oleh Bumiputera.
- v. **Program Pembangunan Vendor (PPV)** adalah satu program yang bermatlamat untuk membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera sebagai pengilang dan pembekal komponen kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat multinasional (MNC). Sehingga kini, PPV telah berjaya melibatkan 15 buah GLC. Bagi tempoh dua (2) tahun pertama RMKe-9, MECD telah berjaya mewujudkan sebanyak 142 vendor Bumiputera. MECD mensasarkan untuk membangun 150 vendor Bumiputera baru dan memantapkan 200 vendor sedia ada di samping penyertaan 15 GLC atau MNC dalam RMKe-9.
- vi. **Program penyertaan produk Bumiputera di Hypermarket** dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama Kementerian lain bagi memberi peluang kepada Bumiputera menerokai pasaran yang lebih luas. MECD mensasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam setiap *Hypermarket*. Selain itu, MECD akan bekerjasama dengan enterpris-enterpris Bumiputera yang telah berjaya dalam bidang tersebut seperti *Mydin* dan *UDA Ocean* dalam memperkasakan pasaran Bumiputera di *hypermarket*.

- vii. **Program Pembangunan Produk Halal** dilaksanakan oleh Kementerian dalam usaha memantapkan produk usahawan Bumiputera bagi mendapat pengiktirafan halal untuk menerokai pasaran yang lebih luas. Selain itu, **Program Halmart** yang dilaksanakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pula bertujuan menyedlakan keperluan utama kepada pengguna menerusi penyediaan makarian dan produk halal. Selain itu, bagi mempertingkatkan peluang kepada Bumiputera dalam industri halal MECD sedang membangunkan **lima (5) buah Taman Halal atau Halal Park** di Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perlis. Taman ini akan berperanan sebagai pusat pengeluran dan pengumpulan produk-produk halal kepada usahawan terutamanya Bumiputera.

Segala usaha Kementerian yang dirancang dan dilaksanakan dalam mempertingkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam sektor-sektor pertumbuhan baru ini akan sentiasa disokong oleh kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian dan agensi seperti latihan; pembiayaan; khidmat nasihat dan bimbingan; promosi dan pemasaran; dan penyediaan premis-premis perniagaan.

Disediakan oleh : **Sabarudin Bin Salleh / Mohd Shukur Bin Khalid**
KPP (RN)1 / PP(RN)2
Tel. Pejabat : 03-8880 5192 / 03-8880 5187
Tel. H/P : 019-2663890 / 019-2755801

Disemak oleh : **Pengarah (RN)**

Dipersetujui oleh : **TKSU (U)**

Diluluskan oleh : **KSU**

